# BAB 6.0
# MEKANISME PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN



# 6.0 MEKANISME PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN

Pembangunan di sepanjang jajaran dan stesen ECRL memerlukan penyusunan rangka kerja institusi yang cekap dan efisien untuk perancangan, pelaksanaan dan pemantauan berterusan. Komitmen, tanggungjawab, akauntabiliti dan keupayaan pelbagai agensi yang terlibat dengan cadangan pembangunan TOD dan COD akan menentukan keberkesanan dan kejayaan pelaksanaan PeGTaECRL. Penyelarasan perancangan guna tanah dan infrastruktur utama di antara pelbagai agensi dan PBT yang terlibat harus diberi keutamaan.

Semua PBT dan pentadbiran negeri di sepanjang jajaran ECRL merupakan agensi pelaksana utama PeGTaECRL. Setiap institusi atau agensi yang terlibat sama ada dalam sektor awam atau swasta perlulah mempunyai struktur organisasi dan pengurusan yang cekap dan berkesan. Sokongan sumber kewangan yang mencukupi amat penting bagi memastikan dasar, perancangan dan program yang akan dilaksanakan di dalam PeGTaECRL berkesan dan mencapai hasil yang diharapkan. Kejayaan pelaksanaan cadangan dan strategi PeGTaECRL tidak hanya bergantung kepada pembentukan cadangan dan strategi, tetapi juga kepada pengurusan satu (1) mekanisme yang efektif untuk melaksanakan cadangan tersebut.

Bagi mencapai matlamat PeGTaECRL, 14 pemboleh daya utama telah dicadangkan seperti yang dijelaskan di dalam Bab 5 yang meliputi aspek perancangan, pelaburan dan tadbir urus. Seterusnya bab ini memberikan penjelasan lanjut berkaitan dengan mekanisma pelaksanaan dan pemantauan PeGTaECRL secara keseluruhan. Ia juga akan mendokong pencapaian sasaran teras perancangan guna tanah, kesalinghubungan dan perancangan ekonomi.

## 6.1 MEKANISME PEMBIAYAAN

Menurut Wyman (2017), hampir 70% projek infrastruktur di negara membangun seluruh dunia dibiayai oleh kerajaan, 10% oleh bank pembangunan dan baki 20% oleh pelabur swasta. Situasi sama kini berlaku di Malaysia dan ini bagi mengelakkan pergantungan yang sangat tinggi kepada dana awam. Pada masa hadapan, kerajaan dijangka semakin mengurangkan peruntukan bagi penyediaan infrastruktur, jalan dan pengangkutan awam. Penglibatan pihak swasta dalam pelaksanaan dan pembiayaan projek infrastruktur dan pembangunan tanah harus ditingkatkan pada masa hadapan.

Melihat kepada perkembangan semasa di seluruh dunia dan perkembangan di peringkat tempatan, cadangan sumber pembiayaan bagi pembinaan infrastruktur dan pembangunan PeGTaECRL menjelang tahun 2040 adalah seperti **Rajah 6.1** iaitu 60% dari sektor awam, 30% sektor swasta dan 10% oleh bank pembangunan. Sektor awam masih merupakan sumber pembiayaan terbesar memandangkan hampir sebahagian besar kawasan pembangunan ECRL terletak di kawasan Pantai Timur yang masih ketinggalan dari aspek pembangunan infrastruktur dan kemudahan asas lain berbanding di kawasan Pantai Barat.

**Rajah 6.1:** Cadangan Sumber Pembiayaan Pembangunan PeGTaECRL




Manfaat penyertaan sektor swasta dalam penyediaan dan pembiayaan infrastruktur adalah jelas dalam membantu pihak kerajaan. Walau bagaimanapun kegagalan kerajaan dalam mengenal pasti risiko dan memberikan insentif sewajarnya boleh memberikan kesan kepada kejayaan pada peringkat pelaksanaan. Lima (5) risiko utama yang boleh menyebabkan kegagalan kerjasama antara sektor swasta dan sektor awam adalah pemilihan syarikat swasta yang tidak layak, ketiadaan keazaman politik yang berterusan, lebihan kakitangan dalam sektor awam, ketidak jelasan jangkaan projek dan kurang perincian di dalam kandungan perjanjian penswastaan serta rangka kerja peraturan yang lemah. Kunci faktor kejayaan penyertaan sektor swasta dalam penyediaan infrastruktur menurut Wyman (2017) seperti berikut:

**01** Strategi dan dasar yang jelas.

**02** Model dan proses tadbir urus yang mantap.

**03** Pemilihan syarikat swasta yang layak.

**04** Peraturan yang berkesan.

**05** Ketelusan dan komunikasi dengan pihak berkepentingan.

### 6.1.1 KAEDAH PEMBIAYAAN

Kerajaan dan agensi pelaksana boleh memilih daripada beberapa model pembiayaan atau kombinasi pembiayaan yang berbeza mengikut keperluan projek bagi PeGTaECRL. Pelbagai kaedah pembiayaan boleh digunakan untuk projek infrastruktur dan pembangunan tanah menurut Deloitte (2018) seperti di **Jadual 6.1.**

**Jadual 6.1:** Alternatif Kaedah Pembiayaan Projek

| Jenis Pembiayaan | Ditawarkan Kepada | Jangka | Kos | Sektor | Tahap Kesukaran | Negara |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Bon Perbandaran (*Municipal Bond*) | Kerajaan | Pertengahan dan panjang | Rendah-sederhana | Pengangkutan, sekolah, lapangan terbang dan pelabuhan | Rendah | Seluruh dunia, Amerika Syarikat |
| *Dim Sum Bond / Panda Bond* | Korporat / Kerajaan | Panjang | Rendah-sederhana | Kewangan Korporat | Sederhana | China |
| Bon Infrastruktur awam layak (*Qualified Public Infrastructure Bond*) | Kerajaan | Panjang | Rendah-sederhana | Infrastruktur Awam | Sederhana | Amerika Syarikat |
| Bon Hasil Perindustrian (*Industrial Revenue Bond*) | Korporat / Kerajaan | Pertengahan dan panjang | Rendah-sederhana | Lapangan Terbang / Perkhidmatan Pembentungan | Tinggi | Amerika Syarikat |
| Pinjaman TIFIA (*Transportion Infrastructure and Innovation Act*) | Kerajaan | Pertengahan dan panjang | Rendah | Semua jenis Infrastruktur | Rendah | Amerika Syarikat |
| Pembiayaan Kenaikan Cukai (*Tax Increment financing*) | Korporat | Sederhana | Rendah-sederhana | Pembinaan | Sederhana | Amerika Syarikat |
| **HUTANG** | | | | | | |
| Institusi Pelabur (termasuk dana pencen) (*Institutional Investors*) | Korporat dan Pembiayaan projek | Pertengahan dan panjang | Sederhana - tinggi (jika melibatkan equiti) | Semua sektor termasuk pasca pembinaan | Sederhana | Negara maju, Canada,UK dan AS |
| Pembiayaan Dana dan Hutang *Bond* | Korporat dan projek | Pendek dan panjang | Rendah-sederhana | Semua sektor | Rendah | Seluruh dunia |
| Bon Projek (*Project Bond*) | Projek | Panjang | Rendah-sederhana | Semua sektor | Rendah | Seluruh dunia |
| Bon Sukuk (*Sukuk Bond*) | Projek | Pertengahan dan panjang | Rendah-sederhana | Pembangunan sosial | Rendah | Negara Islam |
| Kredit Eksport (*Export Credit – ECA*) | Korporat / Projek | Pertengahan dan panjang | Rendah-sederhana | Pembiayaan Korporat / Projek | Sederhana | Seluruh dunia |
| Bon Hijau (*Green Bond*) | Korporat / Projek | Panjang | Sederhana - tinggi | Utiliti / tenaga kitar semula | Sederhana | Seluruh dunia |
| Bon Kesan Sosial (*Social Impact Bonds*) | Korporat / Projek | Panjang | Rendah-sederhana | Pembangunan sosial | Tinggi | Seluruh dunia |

**Jadual 6.1:** Alternatif Kaedah Pembiayaan Projek (sambungan)

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **PRODUK PEMBIAYAAN HIBRID** | | | | | | |
| Organisasi Bukan Kerajaan Antarabangsa | Projek / Korporat / Kerajaan | Panjang | Rendah-sederhana | Pembangunan sosial | Tinggi | Negara membangun oleh agensi Bank Dunia, USAID, EU / EIB |
| Pembiayaan Pelbagai Hala (*Multilateral Financing*) | Projek / Korporat / Kerajaan | Pendek dan panjang | Rendah-sederhana | Semua sektor | Sederhana | Negara membangun |
| Hutang Sabordinat (*Subordinated Debt*) | Korporat / Projek | Pendek dan panjang | Sederhan a | Semua sektor | Sederhana | Seluruh dunia |
| Pembiayaan Vendor (Vendor Finance) | Korporat / Projek | Pendek dan sederhana | Rendah-sederhana | Sektor tenaga | Sederhana | Seluruh dunia |
| Pembiayaan Alternatif (*Alternatif Lenders*) | Korporat / Projek | Pendek dan sederhana | | Semua sektor | Tinggi | Negara maju |
| **EKUITI** | | | | | | |
| Firma Pembinaan dan Pengendali | Projek | Pertengahan dan panjang | Tinggi | Semua sektor | Rendah | Seluruh dunia |
| Dana Infrastruktur (*Infrastructure Funds*) | Projek | Pertengahan dan panjang | Tinggi | Semua sektor | Sederhana | Negara membangun |
| *Sovereign Wealth Funds* | Projek | Pertengahan dan panjang | Tinggi | Semua sektor | Sederhana | Seluruh dunia |
| Pembiayaan Ramai (*Crowdfunding*) | Korporat | Panjang | Tinggi | Pembangunan sosial | Tinggi | Amerika Utara dan Eropah |

**Sumber**: Deloitte, Private sector participation in public sector financing: An introduction, 2018

Dalam konteks PeGTaECRL, pemilihan kaedah pembiayaan akan ditentukan oleh agensi pelaksana mengikut kesesuaian, keperluan dan saiz projek. Pihak swasta yang terlibat dengan pembangunan tersebut juga boleh mengenal pasti kaedah pembiayaan terbaik ditawarkan oleh institusi kewangan. Ini secara tidak langsung dapat mengurangkan kebergantungan dana dan peruntukan dari pihak kerajaan secara beransur-ansur.

## 6.2 RANGKA KERJA INSTITUSI DAN PEMANTAUAN

Bagi PeGTaECRL, perancangan fizikal dirancang melalui Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) sebagai badan induk yang menyelia segala perancangan fizikal negara dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) bertindak sebagai sekretariat kepada MPFN. MPFN merupakan salah satu platform untuk mencapai keseragaman dalam perancangan spatial negara. Oleh itu adalah penting bagi kementerian atau agensi berkaitan dilantik menjadi ahli MPFN. Antara kementerian yang memainkan peranan utama dalam perancangan spatial ialah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), Kementerian Kerja Raya (KKR), Kementerian Pengangkutan (MOT), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, MPFN dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dengan ahli-ahli yang terdiri daripada beberapa Menteri Kerajaan Persekutuan, semua Menteri Besar dan Ketua Menteri Kerajaan Negeri. Di peringkat negeri pula ia diterajui oleh Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) yang dipengerusikan oleh Menteri Besar. Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) Negeri bertindak sebagai setiausaha kepada JPN. Bagi peringkat tempatan, Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) adalah PBT yang berkenaan. Tugas utama jabatan-jabatan dan juga agensi-agensi yang disebutkan di atas adalah untuk merancang dan mengawal penggunaan, pemeliharaan dan pemajuan tanah dari peringkat nasional sehingga ke peringkat tempatan.

**Rajah 6.2:** Rangka Kerja Pemantauan Pelaksanaan PeGTaECRL




Bagi pembangunan kawasan-kawasan TOD dan COD agensi berkaitan, MRL Sdn. Bhd. dan operator ECRL perlu dilibatkan dalam perancangan spatial untuk memberi nasihat dan panduan berkenaan dengan penyediaan dan pengintegrasian perkhidmatan pengangkutan awam darat berpandukan akta dan peraturan yang terpakai.

**Jadual 6.2:** Penyelarasan Pembangunan Kawasan TOD dan COD

| Keperluan Cadangan | Penerangan |
|---|---|
| Agenda penyelarasan ini akan mengkoordinasi perancangan dan pembangunan di kawasan TOD dan COD dengan kerjasama sekretariat PLANMalaysia | Setiap agensi yang terlibat dengan pembangunan kawasan-kawasan TOD dan COD mempunyai fungsi, objektif dan bidang liputan yang berbeza. Oleh itu adalah satu (1) keperluan untuk memasukkan agenda penyelarasan bagi pembangunan kawasan TOD dan COD dalam memastikan peranan agensi-agensi dari perspektif nasional saling melengkapi. |

**Jadual 6.2:** Penyelarasan Pembangunan Kawasan TOD dan COD (sambungan)

| Keperluan Cadangan | Penerangan |
|---|---|
| Meningkatkan potensi dalam mengintegrasi perangkaan dasar, strategi serta program dan melibatkan pengurusan spatial dalam mengoptimum pengagihan sumber antara kawasan TOD dan COD. | Perangkaan dasar, strategi dan program pembangunan wilayah yang selaras, serta pengagihan sumber yang optimum dapat mengawal ketidakseimbangan antara kawasan TOD dan COD. |
| Memantapkan hubungan kerjasama antara agensi secara menyeluruh untuk kepentingan negara, selain merapatkan jurang sosioekonomi dan pertumbuhan ekonomi. | Keupayaan kolaborasi antara agensi ini mencerminkan kemampuan tadbir urus yang baik dalam menghadapi cabaran pembangunan kawasan TOD dan COD. |

## Cadangan Peranan Agenda Penyelarasan Pembangunan Kawasan-kawasan TOD dan COD

Segala keputusan dan kelulusan perancangan di dalam kawasan-kawasan TOD masih kekal di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Skop, tanggungjawab, sasaran dan peruntukan kewangan setiap institusi, agensi atau badan-badan berkenaan adalah berlainan dan tertumpu pada kawasan PBT tersebut. Kelulusan dan pelaksanaan berkaitan pembangunan kawasan-kawasan TOD perlulah dimaklumkan semasa mesyuarat jawatankuasa berlangsung bagi tujuan makluman serta koordinasi di peringkat persekutuan dan negeri. Di peringkat negeri, Jawatankuasa Perancang Negeri terus memainkan peranan utama berkaitan penyelarasan pembangunan di negeri masing-masing.

Walau bagaimanapun, sebahagian struktur pengurusan dan pelaksanaan perlu diselaraskan dari segi koordinasi agensi-agensi yang terlibat bagi menjadikan agenda penyelarasan pembangunan kawasan-kawasan TOD ini lebih efisien, integrasi dan bersepadu. Peranan dan tujuan agenda penyelarasan yang dicadangkan telah mengambil kira polisi dan dasar berkaitan pengurusan dan pelaksanaan di peringkat nasional, negeri dan tempatan.

**Tujuan agenda penyelarasan pembangunan kawasan-kawasan TOD dan COD adalah seperti berikut:**

a. Mengurus, menyelaras dan bekerjasama dengan agensi berkaitan bagi pelaksanaan dan pemantauan dalam mengukur tahap pembangunan kawasan-kawasan TOD dan COD.
b. Menyediakan analisis dan melaporkan prestasi pencapaian pembangunan kawasan-kawasan TOD dan COD kepada Pengurusan Tertinggi.
c. Membantu Kerajaan Persekutuan mengenal pasti ketidakseimbangan di antara kawasan-kawasan TOD dan COD dari segi aspek pengagihan manfaat sosioekonomi dan perancangan spatial negara.
d. Bertindak sebagai penyelaras (desk office) dengan Agensi Pusat berkenaan prestasi fizikal dan kewangan projek kawasan-kawasan TOD dan COD.
e. Memperkukuhkan mekanisme penyelarasan pelaksanaan digerakkan dengan lebih terancang dengan tumpuan kepada penambahbaikan penyelarasan di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.
f. Memastikan segala perancangan di dalam kawasan-kawasan TOD dan COD yang telah diluluskan oleh PBT dimaklumkan ke peringkat Kerajaan Persekutuan bagi tujuan koordinasi.

## 6.2.1 PERANAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

### 1. Penubuhan Unit atau Jawatankuasa Pelaburan di PBT

Pada masa ini hanya jawatankuasa di peringkat PBT yang menyelaras aktiviti pelaburan. Bagi menyokong pelaksanaan PeGTaECRL, dicadangkan unit pelaburan diwujudkan di peringkat PBT terlibat di sepanjang jajaran dan stesen ECRL dan menerima pakai model yang diamalkan di Selangor. Rasional cadangan penubuhan Unit Pelaburan atau Jawatankuasa Pelaburan di peringkat PBT ini adalah untuk menggalakkan dan menjana pertumbuhan ekonomi di sesuatu PBT secara berterusan serta menerokai peluang pelaburan baharu berasaskan potensi dan prospek ekonomi di kawasan PBT berkenaan. Keutamaan juga harus diberikan kepada PBT di mana terletaknya stesen kargo serta tumpuan pembangunan kawasan industri baharu. Manakala bagi PBT yang tidak mempunyai stesen perkhidmatan kargo, boleh dicadangkan penubuhan unit atau jawatankuasa pelaburan mengikut keperluan. PBT berstatus Majlis Bandaraya dicadangkan agar mewujudkan unit pelaburan dalam jangka pendek diikuti oleh PBT bertaraf Majlis Perbandaran dalam jangka sederhana dan Majlis Daerah dalam jangka panjang seperti **Jadual 6.3**. Objektif dan peranan Unit Pelaburan PBT adalah seperti **Jadual 6.4**.

**Jadual 6.3:** Cadangan Penubuhan Unit Pelaburan Mengikut PBT

| Jangka Pendek | Jangka Sederhana | Jangka Panjang |
|---|---|---|
| 1. Majlis Bandaraya Kuantan<br>2. Majlis Bandaraya Kuala Terengganu | 1. Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam<br>2. Majlis Perbandaran Kemaman<br>3. Majlis Perbandaran Dungun<br>4. Majlis Perbandaran Temerloh<br>5. Majlis Perbandaran Bentong<br>6. Majlis Perbandaran Hulu Selangor | 1. Majlis Daerah Ketereh Perbandaran Islam<br>2. Majlis Daerah Pasir Puteh<br>3. Majlis Daerah Besut<br>4. Majlis Daerah Setiu<br>5. Majlis Daerah Marang<br>6. Majlis Daerah Maran<br>7. Majlis Daerah Pekan |

**Jadual 6.4:** Objektif, Peranan dan Punca Kuasa Unit Pelaburan PBT

| Objektif | Peranan |
|---|---|
| 1. Untuk meningkatkan pelaburan di PBT terutamanya dalam bidang perdagangan, perkilangan dan perkhidmatan di kawasan PBT.<br>2. Membantu syarikat mendapatkan kelulusan segera terhadap projek pelaburan yang akan dilaksanakan.<br>3. Memantau pelaksanaan projek dan membantu mengatasi masalah yang dihadapi pelabur. | 1. Mempromosikan PBT / Daerah sebagai destinasi pelaburan mengikut kekuatan sumber ekonomi daya di kawasan PBT berkenaan.<br>2. Membantu menangani masalah yang dihadapi oleh pelabur untuk mendapatkan tapak, kelulusan pelan bangunan dan lain-lain.<br>3. Memastikan program pembangunan seperti infrastruktur dilaksanakan untuk menarik dan memenuhi kehendak pelabur.<br>4. Memastikan pihak berkuasa memaklumkan secara jelas kepada pelabur mengenai prosedur kelulusan tanah, pelan susun atur, pelan bangunan dan pelesenan diperlukan serta kaedah untuk mendapatkannya.<br>5. Mengenal pasti projek-projek baharu yang berpotensi di PBT / Daerah berkenaan mengikut kekuatan masing-masing.<br>6. Menyediakan maklumat asas pelaburan sebagai rujukan pelabur.<br>7. Memantau kelulusan pelaburan dan perdagangan di setiap PBT yang telah diberikan bagi melihat pelaksanaannya supaya tempoh kelulusan dapat disingkatkan dan pelabur mencapai keuntungan daripada pelaburan yang dibuat |

Berpandukan pengalaman di Negeri Selangor mewujudkan unit pelaburan PBT, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) pada 20 Disember 2005 telah memutuskan supaya Unit Pelaburan & Perdagangan diwujudkan di PBT. PBT di Negeri Selangor telah mewujudkan Unit Pelaburan dan melantik Pegawai Pelaburan di setiap PBT. Punca kuasa penubuhan Unit Pelaburan PBT di Selangor adalah seperti berikut:

1. Akta Penggalakan Pelaburan 1986 (Akta 327)
2. Arahan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (Pemerbadanan 1965 Akta 397)
3. Akta Penyelarasan Perindustrian 1975
4. Arahan YAB Menteri Besar Selangor (Mesyuarat MMKN bertarikh 26 Oktober 2005 dan Pekeliling Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri bil. (5) bertarikh 10 Februari 2006)

Walaupun unit-unit pelaburan di PBT tidak berperanan secara langsung dalam membawa masuk projek-projek pelaburan, tetapi Unit Pelaburan PBT memainkan peranan yang besar dalam memastikan projek-projek perkilangan yang diluluskan dapat direalisasikan. Perancangan dan strategi Kerajaan Negeri Selangor untuk meningkatkan nilai pelaburan setiap tahun di peringkat PBT boleh diadaptasi di negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang.

**Jadual 6.5:** Strategi Menggalak dan Meningkatkan Pelaburan di Peringkat PBT Berdasarkan Model Negeri Selangor

| Pengurusan | Jaringan Industri | Promosi |
|---|---|---|
| 1. Menyediakan pelan perancangan strategik sektor.<br>2. Memperkasakan Unit Pelaburan di setiap Pihak Berkuasa Tempatan bagi membantu pihak pelabur.<br>3. Mesyuarat pelabur dengan Pihak Berkuasa Tempatan bagi menyelesaikan isu-isu pengurusan dan penyelenggaraan kawasan-kawasan.<br>4. Menyediakan kawasan perindustrian yang kondusif dengan membenarkan Pihak Berkuasa Tempatan menggunakan peruntukan bagi menyelenggara jalan kawasan-kawasan perindustrian yang sedia ada.<br>5. Menggalakkan pembukaan kawasan-kawasan perindustrian baharu yang kondusif, berkonsepkan *Managed Industrial Park* dengan konsep *Gated and Guarded*.<br>6. Membantu pihak industri menyelesaikan isu-isu pelaburan yang berbangkit melalui Mesyuarat Penyelarasan Projek yang diadakan setiap bulan dan dipengerusikan oleh YB EXCO Pelaburan. | 1. Meningkatkan usaha promosi di luar negara seperti program lawatan pengalakkan pelaburan. Setiap tahun, Kerajaan Negeri merangka program lawatan ke luar Negara sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun.<br>2. Meningkatkan jaringan *networking* dengan kedutaan-kedutaan asing di Malaysia, Dewan-dewan Perniagaan Asing dalam dan luar Negara melalui program kunjungan hormat yang diadakan dari masa ke semasa serta pertemuan-pertemuan yang turut melibatkan Y.A.B. Dato' Menteri Besar, EXCO agensi pelaburan negeri.<br>3. Penyertaan wakil Kerajaan Negeri dalam misi penggalakkan pelaburan dan perdagangan anjuran MITI / MIDA.<br>4. Mewujudkan jaringan kerjasama strategik dengan syarikat milikan asing yang ada. | 1. Mempromosikan peluang-peluang pelaburan melalui pengiklanan dalam media cetak atau elektronik di dalam dan luar negara.<br>2. Penyertaan dalam pameran yang bertaraf antarabangsa. |

**Sumber**: Minit Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) pada 20 Disember 2005

Cadangan struktur organisasi Unit Pelaburan PBT diketuai oleh **seorang Ketua Unit, seorang Pegawai Pelaburan** dan **tiga (3) orang Penolong Pegawai Pelaburan** yang bertanggungjawab berkaitan pelaburan dan perdagangan, perhubungan antarabangsa dan pembangunan usahawan. Manakala bagi PBT berstatus **Majlis Perbandaran** dan **Majlis Daerah** hanya diketuai oleh **seorang Pegawai Pelaburan** dan di bantu oleh **tiga (3) orang Penolong Pegawai Pelaburan.** Perjawatan bagi pegawai unit ini boleh menggunakan pegawai sedia ada pada peringkat awal sebelum di tambah pada masa hadapan mengikut keperluan. Sekiranya tidak diwujudkan unit khas, **satu jawatankuasa ditubuhkan** dan dipengerusikan oleh **Timbalan Yang Dipertua / Timbalan Datuk Bandar yang dianggotai oleh beberapa pegawai daripada Jabatan Perancang, Jabatan Bangunan, Jabatan Ekonomi dan Jabatan Perlesenan PBT** berkenaan.

**Rajah 6.3:** Cadangan Struktur Organisasi Unit Pelaburan PBT




Antara tugas dan tanggungjawab Pegawai Pelaburan dan Penolong Pegawai Pelaburan adalah mengadakan lawatan tapak ke kawasan perindustrian dan kilang yang dipilih untuk mendapatkan maklum balas berkenaan isu dan permasalahan yang dihadapi oleh pelabur baharu dan sedia ada. Dalam lawatan ini Bahagian Pelaburan akan membawa bersama Jabatan dalaman (Kejuruteraan / Kesihatan / Pelesenan & Penjaja / Penguatkuasa / Bangunan / Perancang Bandar & Desa / Taman & Rekreasi / Penilaian & Pengurusan Harta) dan Agensi luar seperti MIDA / TNB / JKR / Jabatan Bekalan Air / TELEKOM / JAS / JPS / Indah Water / Bomba / Polis dan lain-lain agensi berkaitan.

### Jangkaan Kesan PeGTaECRL kepada Status PBT Sedia Ada

Setelah pelaksanaan pembangunan berdasarkan PeGTaECRL, PBT yang mempunyai stesen ECRL dijangka akan menerima kesan langsung pelaburan tempatan dan asing. Cadangan PeGTaECRL dijangka menyumbang kepada peningkatan hasil dan pertambahan bilangan penduduk. Kriteria penentuan kategori PBT yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) KPKT adalah seperti di **Jadual 6.6**.

**Jadual 6.6:** Kriteria Penentuan Kategori PBT

| Kategori | Syarat Utama |
|---|---|
| Majlis Bandaraya | • Pusat pentadbiran negeri<br>• Penduduk tidak kurang 500,000 orang<br>• Hasil Tahunan tidak kurang RM100 juta<br>• Mempunyai struktur organisasi yang mantap |
| Majlis Perbandaran | • Pusat Pentadbiran Negeri atau Daerah<br>• Penduduk tidak kurang 150,000 orang<br>• Hasil tahunan tidak kurang dari RM20 juta |
| Majlis Daerah | • Selain bandar utama<br>• Penduduk kurang dari 150,000 orang<br>• Hasil Tahunan kurang dari RM20 juta |

**Sumber:** Jabatan Kerajaan Tempatan, KPKT

Berdasarkan unjuran penduduk dan jangkaan peningkatan hasil tahunan pihak PBT setelah siap pembinaan ECRL, beberapa PBT telah dikenal pasti berpotensi untuk dinaik taraf kepada Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran menjelang 2040. Dengan peningkatan hasil pendapatan kepada PBT membolehkan perkhidmatan yang lebih efisien kepada penduduk, peniaga dan pelabur di kawasan masing-masing. Secara umumnya pertambahan bilangan penduduk dan kenaikan hasil pendapatan PBT lebih ketara di Wilayah Pantai Timur (Kelantan, Terengganu dan Pahang) berbanding di Wilayah Pantai Barat (Selangor dan Kuala Lumpur).

**Jadual 6.7:** Potensi Menaik Taraf PBT 2040

| Majlis Perbandaran kepada Majlis Bandaraya | Majlis Daerah kepada Majlis Perbandaran |
|---|---|
| 1. Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI)<br>2. Majlis Perbandaran Kemaman<br>3. Majlis Perbandaran Klang<br>4. Majlis Perbandaran Selayang | 1. Majlis Daerah Ketereh Perbandaran Islam<br>2. Majlis Daerah Pasir Puteh<br>3. Majlis Daerah Pasir Mas<br>4. Majlis Daerah Setiu<br>5. Majlis Daerah Maran<br>6. Majlis Daerah Besut<br>7. Majlis Daerah Marang<br>8. Majlis Daerah Pekan |

**Jadual 6.8**: Jangkaan Status PBT 2040

| Pihak Berkuasa Tempatan | Lokasi Stesen | Keluasan Kawasan Sedia Ada (KM Per) | 2020 | | Status PBT (2040) |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Penduduk PBT / Daerah | Pendapatan PBT (RM Juta) | |
| **KELANTAN** | | | | | |
| 1. MP Kota Bharu-Bandar Raya Islam | Kota Bharu | 195.42 | 608,600 | 71.59 | Majlis Bandaraya |
| 2. MD Ketereh Perbandaran Islam | | 204.9 | | 11.73 | Majlis Perbandaran |
| 3. MD Pasir Puteh | Pasir Puteh | 129.50 | 146,000 | 10.89 | Majlis Perbandaran |
| 4. MD Pasir Mas | - | 139 | 236,400 | 15.35 | Majlis Perbandaran |
| 5. MD Machang | | 130 | 115,900 | 7.05 | Majlis Daerah |
| 6. MD Bachok Bandar Pelancongan Islam | | 138.96 | 165,800 | 6.91 | Majlis Daerah |
| 7. MD Tumpat | | TM | 190,900 | 39.42 | Majlis Perbandaran |
| **TERENGGANU** | | | | | |
| 1. MB Kuala Terengganu | Kuala Terengganu | 605.28 | 337,553 | 78.36 | Majlis Bandaraya |
| 2. MD Marang | Kuala Terengganu | 666.54 | 105,100 | 29.36 | Majlis Perbandaran |
| 3. MP Dungun | Dungun | 212.86 | 178,300 | 23.10 | Majlis Perbandaran |
| 4. MP Kemaman | Kemasik & Chukai | 980 | 215,500 | 72.99 | Majlis Bandaraya |
| 5. MD Besut | Jerteh | 123.367 | 167,600 | 17.84 | Majlis Perbandaran |
| 6. MD Setiu | Bandar Permaisuri | 1304.36 | 65,000 | 14.12 | Majlis Daerah |
| **PAHANG** | | | | | |
| 1.MB Kuantan | Cherating, Kuantan PC, KotaSAS & Paya Besar | 324 | 529,600 | 123.87 | Majlis Bandaraya |
| 2.MD Maran | Maran | 1,995 | 134,600 | 10.66 | Majlis Daerah |
| 3.MD Pekan | - | 2,351.8 | 129,400 | 14.89 | Majlis Perbandaran |
| 3. MP Temerloh | Temerloh | 365 (Kawalan) 156 (Operasi) | 169,023 | 29.1 | Majlis Perbandaran |
| 4. MP Bentong | Bentong | 867.7 (Daerah) | 116,799 | 59.7 | Majlis Perbandaran |
| 5. MD Raub | | 977.2 | 96,139 | 14.8 | Majlis Daerah |
| 6. MD Bera | | 1,970 (Kawalan) 270 (Operasi) | 98,137 | 15.8 | Majlis Daerah |

**Jadual 6.8**: Jangkaan Status PBT 2040 (sambungan)

| Pihak Berkuasa Tempatan | Lokasi Stesen | Keluasan Kawasan Sedia Ada (KM Per) | 2020 | | Status PBT (2040) |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Penduduk PBT / Daerah | Pendapatan PBT (RM Juta) | |
| **SELANGOR** | | | | | |
| 1. MP Selayang | ITT Gombak | 545.6 | 677,000 (2017) | 224.2 | Majlis Bandaraya |
| 2. MP Ampang Jaya | | 143.5 | 574,300 (2010) | 144.2 | Majlis Perbandaran |
| 3. MP Kajang | | 787.61 | 342,657 (2010) | 203.6 | Majlis Perbandaran |
| 4. MB Petaling Jaya | | 97.2 | 619,925 | 365.9 | Majlis Bandaraya |
| 2. MP Hulu Selangor | Bandar Serendah | 175.6 | 243,029 | 108.3 | Majlis Perbandaran |
| 3. MP Kuala Selangor | Puncak Alam | 119.5 | 281,753 | 64.1 | Majlis Perbandaran |
| 4. MP Klang | Kapar dan Jalan Kastam | 574.0 | 1,088,942 | 255.8 | Majlis Bandaraya |
| 6. MP Kuala Langat | | 857.7 | 307,787 | 80.8 | Majlis Perbandaran |
| **KUALA LUMPUR** | | | | | |
| 1.Dewan Bandaraya Kuala Lumpur | ITT Gombak | 243.0 | 1,982,112 | 3,623.2 | Dewan Bandaraya |

**Sumber:** Laman web PBT berkaitan, Laporan Banci Penduduk dan Perumahan 2020 dan Laporan Sosio-Ekonomi Negeri Kelantan (2019), Terengganu (2019), Pahang (2019), Selangor (2019) dan Kuala Lumpur (2019)

## 6.2.2 PERANAN AGENSI-AGENSI

### 1. PLANMalaysia@Negeri

Selaras dengan cadangan PeGTaECRL, PLANMalaysia Kelantan, Terengganu, Pahang dan Selangor wajar melakukan pengubahan segera kepada Rancangan Tempatan sedia ada yang telah diwartakan. Manakala bagi RT yang masih dalam proses Penggantian dan belum diwartakan boleh mengadaptasi cadangan PeGTaECRL. Berikut adalah senarai RT yang memerlukan Pengubahan dan Penggantian mengikut negeri serta kos penyediaan yang diperlukan dan tiga (3) Rancangan Kawasan Khas (RKK) baharu yang di cadangkan seperti di **Jadual 6.9**.

**Jadual 6.9:** Senarai Rancangan Tempatan (RT) yang Memerlukan Pengubahan / Penggantian dan Penyediaan RKK Baharu

| Stesen ECRL | Rancangan Pemajuan | Cadangan PeGTaECRL | Nota | Anggaran Kos (RM) |
|---|---|---|---|---|
| **KELANTAN** | | | | |
| Kota Bharu | RT Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam 2035 (Penggantian) | Pengubahan | Mengambil kira cadangan guna tanah, zon perancangan, aspek kawalan pembangunan dan garis panduan pembangunan di sekitar Stesen ECRL Kota Bharu yang terletak di Bandar Baru Tunjong. | 500,000 |
| | RT Majlis Daerah Ketereh Perbandaran Islam 2035 (Penggantian) | Dalam Proses Penggantian | Mengambil kira cadangan guna tanah, zon perancangan, aspek kawalan pembangunan dan garis panduan pembangunan di sekitar Stesen ECRL Kota Bharu yang terletak di Bandar Baru Tunjong. | - |
| Pasir Puteh | RT Jajahan Pasir Puteh 2035 (Penggantian) | Pengubahan | Mengambil kira cadangan guna tanah, zon perancangan, aspek kawalan pembangunan dan garis panduan pembangunan di sekitar Stesen ECRL Pasir Puteh. | 500,000 |
| **TERENGGANU** | | | | |
| Jertih | RT Daerah Besut 2035 (Penggantian) | Dalam Proses Penggantian | Mengambil kira cadangan guna tanah, zon perancangan, aspek kawalan pembangunan dan garis panduan pembangunan di sekitar Stesen ECRL Jerteh. | - |
| Bandar Permaisuri | RT Daerah Setiu 2035 (Penggantian) | Dalam Proses Penggantian | Mengambil kira cadangan guna tanah, zon perancangan, aspek kawalan pembangunan dan garis panduan pembangunan di sekitar Stesen ECRL Bandar Permaisuri. | - |
| Kuala Terengganu | RT Daerah Kuala Terengganu 2035 (Penggantian) | Pengubahan | RT Kuala Terengganu 2035 tidak mengambil kira stesen dan jajaran ECRL. Mengambil kira cadangan guna tanah, zon perancangan, aspek kawalan pembangunan dan garis panduan pembangunan di sekitar Stesen ECRL Kuala Terengganu yang terletak di Durian Guling, Daerah Marang. | 500,000 |
| | RT Majlis Daerah Marang 2035 (Penggantian) | Dalam Proses Penggantian | Mengambil kira cadangan guna tanah, zon perancangan, aspek kawalan pembangunan dan garis panduan pembangunan di sekitar Stesen ECRL Kuala Terengganu yang terletak di Durian Guling, Daerah Marang. | - |
| Dungun | RT Daerah Dungun 2035 (Penggantian) | Pengubahan | Mengambil kira cadangan guna tanah, zon perancangan, aspek kawalan pembangunan dan garis panduan pembangunan di sekitar Stesen ECRL Dungun. | 500,000 |
| Kemasik dan Chukai | RT Daerah Kemaman 2035 (Penggantian) | Pengubahan | Mengambil kira cadangan guna tanah, zon perancangan, aspek kawalan pembangunan dan garis panduan pembangunan di sekitar Stesen ECRL Kemasik dan Stesen ECRL Chukai. | 500,000 |

**Jadual 6.9:** Senarai Rancangan Tempatan (RT) yang Memerlukan Pengubahan / Penggantian dan Penyediaan RKK Baharu (sambungan)

| Stesen ECRL | Rancangan Pemajuan | Cadangan PeGTaECRL | Nota | Anggaran Kos (RM) |
|---|---|---|---|---|
| **PAHANG** | | | | |
| Cherating, Kuantan Port City, KotaSAS dan Paya Besar | RT Daerah Kuantan 2035 (Penggantian) | Pengubahan | Mengambil kira cadangan guna tanah, zon perancangan, aspek kawalan pembangunan dan garis panduan pembangunan di sekitar Stesen ECRL Cherating, Kuantan Port City, KotaSAS dan Paya Besar. | 500,000 |
| Maran | RT Majlis Daerah Maran 2035 (Penggantian) | Dalam Proses Penggantian | Mengambil kira cadangan guna tanah, zon perancangan, aspek kawalan pembangunan dan garis panduan pembangunan yang dicadangkan di sekitar Stesen ECRL Maran. | - |
| Temerloh | RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian) | Dalam Proses Penggantian | Mengambil kira cadangan guna tanah, zon perancangan, aspek kawalan pembangunan dan garis panduan pembangunan yang dicadangkan di sekitar Stesen ECRL Temerloh. | - |
| Bentong | RT Daerah Bentong 2035 (Penggantian) | Pengubahan | Mengambil kira cadangan guna tanah, zon perancangan, aspek kawalan pembangunan dan garis panduan pembangunan yang dicadangkan di sekitar Stesen ECRL Bentong. | 500,000 |
| **SELANGOR** | | | | |
| ITT Gombak | RT Majlis Perbandaran Selayang 2030 (Penggantian) | Pengubahan | Mengambil kira cadangan guna tanah, zon perancangan, aspek kawalan pembangunan dan garis panduan pembangunan yang dicadangkan di sekitar Stesen ECRL ITT Gombak. | 500,000 |
| Bandar Serendah | RT Daerah Hulu Selangor 2035 (Penggantian) | Pengubahan | Mengambil kira cadangan guna tanah, zon perancangan, aspek kawalan pembangunan dan garis panduan pembangunan yang dicadangkan di sekitar Stesen ECRL Bandar Serendah. | 500,000 |
| Puncak Alam | RT Majlis Daerah Kuala Selangor 2035 (Penggantian) | Dalam Proses Penggantian | Mengambil kira cadangan guna tanah, zon perancangan, aspek kawalan pembangunan dan garis panduan pembangunan yang dicadangkan di sekitar Stesen ECRL Puncak Alam. | - |
| Kapar dan Jalan Kastam | RT Majlis Perbandaran Klang 2035 (Penggantian) | Pengubahan | Mengambil kira cadangan guna tanah, zon perancangan, aspek kawalan pembangunan dan garis panduan pembangunan yang dicadangkan di sekitar Stesen ECRL Kapar dan Jalan Kastam. | 500,000 |
| **KUALA LUMPUR** | | | | |
| ITT Gombak | Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 | Dalam Proses Penggantian | Mengambil kira cadangan guna tanah, zon perancangan, aspek kawalan pembangunan dan garis panduan pembangunan yang dicadangkan di sekitar Stesen ECRL ITT Gombak. | - |
| | Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2020 | Dalam Proses Penggantian | | - |
| **RANCANGAN KAWASAN KHAS** | | | | |
| Kuala Terengganu | RKK Wakaf Tapai-Bukit Payong | RKK Baharu | Mengambil kira cadangan guna tanah PeGTaECRL dan projek-projek yang dicadangkan. | 800,000 |
| Cherating | RKK Chendor-Mak Lagam | RKK Baharu | Mengambil kira cadangan guna tanah PeGTaECRL dan projek-projek yang dicadangkan. | 800,000 |
| Bandar Serendah | RKK Bandar Serendah | RKK Baharu | Mengambil kira cadangan guna tanah PeGTaECRL dan projek-projek yang dicadangkan termasuk hab kargo Serendah. | 800,000 |
| | | | **Jumlah** | **7,400,000** |

## 2. Cadangan Memperkasa Agensi Pelaburan Negeri

Bagi memastikan aktiviti pelaburan dipertingkat di sepanjang jajaran dan stesen ECRL, dicadangkan supaya ketiga-tiga negeri iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang dapat memperkasa agensi pelaburan negeri untuk menyokong agensi sedia ada di peringkat persekutuan seperti MIDA dan pihak berkuasa koridor wilayah ECERDC dalam tempoh jangka masa pendek. Pada masa ini usaha menarik pelaburan di peringkat negeri adalah melalui UPEN / BPEN dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri tanpa strategi yang jelas dan sistematik. Di peringkat negeri Kelantan usaha menarik pelaburan terletak di bawah bidang kuasa Kelantan Invest Berhad. Manakala, negeri Terengganu di bawah SUK Terengganu dan Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. (Terengganu Inc.). Manakala di Pahang di bawah Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP). Bagi negeri Selangor agensi pelaburan sedia ada iaitu Invest Selangor Berhad telah lama maju ke hadapan dalam usaha menarik pelaburan ke Selangor dan wajar dijadikan contoh oleh negeri-negeri lain di Wilayah Pantai Timur.

Inisiatif agensi pelaburan negeri ini telah dilaksanakan di beberapa negeri seperti Selangor, Negeri Sembilan dan Johor. Dalam persekitaran menarik pelaburan tempatan dan asing yang amat kompetitif, adalah menjadi satu (1) keperluan setiap kerajaan negeri terlibat secara langsung dengan lebih agresif dan efisien.

**INVEST SELANGOR BERHAD**

Selama lebih 20 tahun, Invest Selangor Berhad telah menjadi mercu tanda kepada pelabur daripada seluruh dunia yang ingin melabur dan berjaya di Selangor. Invest Selangor Berhad ialah agensi sehenti yang menyediakan maklumat, khidmat nasihat, serta bantuan permulaan atau pengembangan kepada bakal pelabur dan pelabur sedia ada. Sejak penubuhannya, Invest Selangor Berhad telah menarik lebih daripada 5,345 (1999-2018) projek pembuatan, mewujudkan lebih 405,793 pekerjaan (1999-2018) dan menarik lebih RM163.2 bilion (1999-2018) pelaburan pembuatan.

1. 1986 - Jawatankuasa Pelaburan Negeri telah ditubuhkan pada 1992- Jawatankuasa Pelaburan Negeri beroperasi sebagai unit Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB).
2. 1999- Pusat Pelaburan Negeri Selangor (SSIC Berhad) telah diperbadankan pada 22 April 1999 sebagai Agensi Penggalakan Pelaburan Negeri pada 1 Jun 1999.
3. 2015 - Pada 2 Januari 2015 SSIC Berhad secara rasmi menukar namanya kepada Invest Selangor Berhad.

Invest Selangor Berhad menawarkan perkhidmatan kepada pelabur yang dianggap sebagai rakan kongsi dalam membangunkan persekitaran mesra pelaburan yang kondusif, menyediakan maklumat yang berkaitan tentang proses pelaburan, menyokong pengurusan hubungan dan komunikasi dengan agensi kerajaan, memudahkan kelulusan permohonan dengan agensi kerajaan serta mengenal pasti tanah industri dan hartanah yang sesuai untuk tujuan pelaburan.

**Sumber :** Laman sesawang Invest Selangor Berhad 2021

**PUSAT PELABURAN NEGERI SEMBILAN (NSIC)**

Pusat Pelaburan Negeri Sembilan (NSIC) ditubuhkan bertujuan untuk membantu pelabur, khususnya syarikat asing, menubuhkan projek baharu atau mengembangkan operasi sedia ada di Negeri Sembilan. Ia membantu mereka memulakan operasi dalam masa yang sesingkat mungkin dan dengan kerenah birokrasi yang minimum. Ia diberi mandat untuk memberi pelabur semua maklumat dan nasihat yang diperlukan tentang penubuhan operasi pembuatan di Negeri Sembilan (termasuk butiran lokasi dan sektor perniagaan utama kepada ketersediaan buruh, kos pekerja dan kadar telekomunikasi dan air kepada proses mendapatkan kelulusan kerajaan yang diperlukan). NSIC bertindak sebagai pusat sehenti bagi membantu pelabur dengan lesen pembuatan yang diluluskan untuk mendapatkan kelulusan pelan bangunan. NSIC berunding bagi pihak pelabur dalam hal tanah, undang-undang dan keperluan pentadbiran lain untuk meminimumkan kelewatan dalam melaksanakan projek mereka. NSIC juga berperanan memperkenalkan pelabur kepada rakan kongsi usaha sama yang berpotensi, penyedia perkhidmatan, profesional seperti perunding bangunan, akauntan dan peguam, agensi kerajaan atau institusi penyelidikan. NSIC juga boleh membantu syarikat untuk mematuhi perundangan persekutuan seperti Akta Penyelarasan Perindustrian 1975, Akta Syarikat 1965, Akta Kastam, Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dan sebagainya.

**Sumber**: Laman sesawang Pusat Pelaburan Negeri Sembilan, 2021

**INVEST JOHOR**

Invest Johor ialah pusat sehenti yang mewakili negeri Johor dalam berurusan dengan pelabur dan membantu meletakkan Johor sebagai destinasi menarik untuk pelaburan. Invest Johor memainkan peranan penting dalam perkara yang berkaitan dengan promosi, pemudahcara, penyelarasan dan pembangunan atau pelaburan dalam sektor industri yang luas. Akhirnya, Invest Johor berusaha untuk membantu mengubah Johor menjadi hab serantau untuk industri berteknologi tinggi, berasaskan pengetahuan dan intensif modal. Peranan yang dimainkan oleh Invest Johor adalah:

- Menyediakan maklumat tentang iklim perniagaan dan peluang pelaburan Johor
- Membantu pelabur yang berminat melalui perundingan terus dan kerjasama dengan pihak berkuasa yang berkaitan di peringkat persekutuan dan negeri
- Membantu untuk memudahkan mesyuarat dengan pihak berkepentingan yang berkaitan
- Membantu dalam mengemukakan pertanyaan kepada perkhidmatan kerajaan yang berbeza
- Memberi panduan tentang perkara yang berkaitan dengan dasar dan prosedur kerajaan
- Menjawab pertanyaan dan permintaan dalam masa yang sesingkat mungkin

**Sumber** : Laman sesawang Invest Johor, 2021

Cadangan struktur organisasi agensi pelaburan negeri adalah seperti berikut:

**Rajah 6.4:** Cadangan Struktur Organisasi dan Fungsi Agensi Pelaburan Negeri




| Pra-Pelaburan | Pasca Pelaburan | Komunikasi Korporat dan Perancangan Strategik | Sumber Maklumat dan Komunikasi |
|---|---|---|---|
| • Menyediakan maklumat tentang iklim perniagaan dan peluang pelaburan<br>• Membantu pelabur yang berminat melalui perundingan terus dan kerjasama dengan pihak berkuasa yang berkaitan di peringkat persekutuan dan negeri<br>• Membantu untuk memudahkan mesyuarat dengan pihak berkepentingan yang berkaitan<br>• Membantu dalam mengemukakan pertanyaan kepada perkhidmatan kerajaan yang berbeza<br>• Memberi panduan tentang perkara yang berkaitan dengan dasar dan prosedur kerajaan<br>• Menjawab pertanyaan dan permintaan dalam masa yang sesingkat mungkin | • Membantu dan berbincang dengan pelabur sedia ada menyelesaikan sebarang isu dan masalah setelah syarikat dan kilang beroperasi di dalam negeri<br>• Membantu urusan dengan agensi kerajaan negeri, PBT dan agensi persekutuan termasuk berkaitan insentif.<br>• Menjalinkan hubungan mesra dengan pelabur agar terus melabur di dalam negeri di masa hadapan.<br>• Mengadakan perbincangan dengan pihak MRL Sdn. Bhd. dan pengendali ECRL di masa hadapan bagi meningkatkan penggunaan perkhidmatan penghantaran kargo dan khidmat logistik. | • Bekerjasama dengan agensi pelaburan persekutuan seperti MIDA dan ECERDC untuk mempromosikan pelaburan dalam negeri.<br>• Terlibat dengan pameran penggalakan pelaburan di dalam negara dan di peringkat antarabangsa.<br>• Merangka strategi dan langkah untuk mempromosikan negeri sebagai destinasi pelaburan. | • Mengemas kini maklumat berkenaan dasar dan insentif yang diberikan oleh kerajaan negeri disampaikan kepada pelabur melalui laman web agensi pelaburan negeri.<br>• Menyediakan saluran secara maya kepada pelabur luar negara untuk mendapat maklumat, mengisi borang permohonan dan sebagainya. |
| 2 pegawai<br>2 kakitangan sokongan | 2 pegawai<br>2 kakitangan sokongan | 2 pegawai<br>2 kakitangan sokongan | 2 pegawai<br>2 kakitangan sokongan |

### 3. Agensi berkaitan Latihan, Kemahiran dan Keusahawanan

Bagi memastikan warga tempatan terutama golongan belia mendapat manfaat sepenuhnya daripada pelaksanaan pembangunan di sekitar stesen ECRL, disarankan agar mewujudkan lebih banyak peluang latihan kemahiran dan keusahawanan kepada belia tempatan. Agensi terbabit termasuklah Institut Latihan Perindustrian (ILP) di bawah Kementerian Sumber Manusia dan GiatMARA di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW). Sehingga kini terdapat sebanyak 23 buah ILP di seluruh negara dan hanya tiga (3) buah terletak dalam lingkungan kawasan tadahan PeGTaECRL. Bidang yang ditawarkan juga terhad kepada kemahiran konvensional. Selain itu, cadangan menambah bilangan ILP sebanyak tiga (3) buah di Kerteh, Terengganu, Maran dan Temerloh di Pahang dalam jangka pendek dan sederhana. Malah kursus yang ditawarkan haruslah memenuhi keperluan industri baharu di masa hadapan terutama dalam bidang logistik dan penyelenggaraan berkaitan rel dan kereta api. Manakala di Selangor dan Kuala Lumpur tiada keperluan untuk menambah ILP atau pusat kemahiran sedia ada memandangkan ia telah sedia wujud sejak dahulu lagi. Pada masa ini terdapat beberapa universiti, politeknik dan kolej komuniti di Wilayah Pantai Timur yang mampu menyumbang tenaga kerja berkemahiran tinggi.

**Jadual 6.10:** ILP Sedia Ada Dan Cadangan Di Wilayah Pantai Timur

| ILP Sedia Ada | Bidang Ditawarkan |
|---|---|
| 1. Institut Latihan Perindustrian Kota Bharu, Pengkalan Chepa, 16100 Kota Bharu, Kelantan | 1. Sijil Teknologi Automotif (SKM Tahap 1,2,3)<br>2. Sijil Teknologi Mekanik Industri (SKM Tahap 1,2,3)<br>3. Sijil Teknologi Pemesinan Am (SKM Tahap 1,2,3)<br>4. Sijil Teknologi Kimpalan Arka & Gas (SKM Tahap 1,2,3)<br>5. Sijil Teknologi Elektrik - PW2 (SKM Tahap 1,2,3 dan Sijil ST)<br>6. Sijil Teknologi Elektronik Industri (SKM Tahap 1,2,3)<br>7. Sijil Teknologi Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara (SKM Tahap 1,2,3)<br>8. Sijil Teknologi Komputer (Sistem) (SKM Tahap 2,3)<br>9. Sijil Teknologi Binaan Bangunan (SKM Tahap 1,2,3)<br>10. Sijil Teknologi Rekabentuk Perabot (SKM Tahap 1,2,3)<br>11. Diploma Teknologi Binaan (Sivil & Struktur) – DK / DT |
| 2. Institut Latihan Perindustrian Kuala Terengganu, Kawasan Perindustrian Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu | 1. Sijil Teknologi Elektrik (3 Fasa)<br>2. Sijil Teknologi Penyejukbekuan & Penyamanan Udara<br>3. Sijil Teknologi Komputer (Sistem)<br>4. Sijil Teknologi Binaan (Berasaskan Kayu)<br>5. Sijil Teknologi Binaan (Paip & Sanitari)<br>6. Sijil Teknologi Binaan (Sivil & Struktur)<br>7. Sijil Teknologi Penyenggaraan Mekanikal<br>8. Sijil Teknologi Pembuatan (Pemesinan)<br>9. Sijil Teknologi Pemasangan Paip Minyak & Gas<br>10. Diploma Teknologi Elektrik (Kuasa) |
| 3. Institut Latihan Perindustrian Kuantan, Lot 10, Kawasan Perindustrian Gebeng, 26080 Kuantan | 1. Sijil Teknologi Penyelenggaraan Mekanikal<br>2. Sijil Teknologi Kimpalan<br>3. Diploma Kemahiran Malaysia Pembantu Jurutera Kimpalan (Fabrikasi)<br>4. Sijil Teknologi Fabrikasi Struktur Logam (Minyak Dan Gas)<br>5. Diploma Kemahiran Malaysia Penolong Pengurus Teknikal Senibina<br>6. Diploma Teknologi Pembuatan (Perkakasan-Die)<br>7. Sijil Teknologi Pemesinan Am<br>8. Sijil Teknologi Mekatronik<br>9. Sijil Teknologi Juruelektrik.<br>10. Sijil Teknologi Komputer (Sistem) |
| Cadangan ILP Baharu:<br>1. ILP Kerteh, Terengganu<br>2. ILP Maran, Pahang<br>3. ILP Bandar Pintar Temerloh, Pahang<br><br>Tempoh Pelaksanaan: Sederhana<br>Pembiayaan : Kementerian Sumber Manusia | |

**Sumber :** Laman sesawang ILP, Jabatan Tenaga Buruh, 2021

Penubuhan GiatMARA bertujuan menyediakan latihan kemahiran teknikal dan vokasional kepada belia-belia di dalam dan luar negara. Ini membolehkan para belia mendapat kemahiran sebagai persediaan menjadi tenaga kerja mahir dan usahawan teknikal seterusnya memenuhi keperluan industri dan keperluan kegiatan ekonomi serta keusahawanan di daerah setempat dan dalam negara. Sehingga kini terdapat sejumlah 127 buah Pusat GiatMARA di ketiga-tiga negeri Wilayah Pantai Timur terletak dalam lingkungan kawasan tadahan PeGTaECRL. Terdapat keperluan penambahan Pusat GiatMARA terutama di negeri Terengganu pada masa hadapan kesan daripada pembinaan ECRL. Tumpuan harus diberi kepada kursus baharu yang sesuai dengan keperluan industri dan perniagaan baharu berkaitan dengan ECRL di masa hadapan, terutamanya berkaitan dengan logistik, perkhidmatan penghantaran dan E-Dagang. Kursus berkaitan keusahawanan juga boleh dianjurkan dengan pihak ECERDC, TERAJU, agensi pelaburan negeri dan Yayasan Pembangunan Usahawan.

**Jadual 6.11:** Pusat GiatMARA Sedia Ada di Wilayah Pantai Timur dan Selangor Serta Kursus yang Ditawarkan

| Kelantan | Terengganu | Pahang | Selangor |
|---|---|---|---|
| 1. Bachok (4)<br>2. Gua Musang (3)<br>3. Jeli (4)<br>4. Ketereh (5)<br>5. Kota Bharu (4)<br>6. Kuala Krai (2)<br>7. Kubang Kerian (3)<br>8. Machang (4)<br>9. Nilam Puri (3)<br>10. Pasir Mas (3)<br>11. Pasir Puteh (3)<br>12. Pengkalan Chepa (2)<br>13. Rantai Panjang (3)<br>14. Tanah Merah (2)<br>15. Tumpat (4)<br><br>Jumlah = 49 | 1. Batu Rakit (4)<br>2. Besut (4)<br>3. Dungun (2)<br>4. Kuala Terengganu (5)<br>5. Hulu Terengganu (3)<br>6. Kemaman (3)<br>7. Ketengah (2)<br>8. Kuala Nerus (3)<br>9. Marang (5)<br>10. Setiu (3)<br><br>Jumlah = 34 | 1. Bentong (2)<br>2. Bera (2)<br>3. Cameron Highland (2)<br>4. Indera Mahkota (2)<br>5. Jengka (4)<br>6. Jerantut (3)<br>7. Kuala Krau (2)<br>8. Kuala Lipis (2)<br>9. Kuantan (3)<br>10. Maran (3)<br>11. Muadzam Shah (3)<br>12. Paya Besar (3)<br>13. Pekan (5)<br>14. Raub (3)<br>15. Rompin (2)<br>16. Temerloh (3)<br><br>Jumlah = 44 | 1. Klang (2)<br>2. Gombak (3)<br>3. Hulu Selangor (4)<br>4. Hulu Langat (3)<br>5. Kuala Selangor (2)<br>6. Kapar (3)<br>7. Ampang Jaya (2)<br><br>Jumlah = 19 |
| 1. Kluster *Computer and Networking Technology*<br>2. Kluster Elektrikal<br>3. Kluster Elektronik / Mekatronik<br>4. Kluster Fabrik<br>5. Kluster *Hairdressing and Cosmetology*<br>6. Kluster Hospitaliti<br>7. Kluster Kulinari<br>8. Kluster Mekanikal<br>9. Kluster Pembuatan<br>10. Kluster Pengangkutan<br>11. Kluster Senibina<br>12. Kluster *Creative Media* | | | |

**Sumber :** Laman sesawang GiatMARA, 2021

Selain peranan yang dimainkan oleh pusat latihan kemahiran dan keusahawan, institut pengajian tinggi awam dan swasta turut berperanan menyediakan tenaga kerja berkemahiran tinggi di negeri Wilayah Pantai Timur. Penawaran kursus baharu bagi menyokong keperluan industri dan perniagaan baharu harus diberikan tumpuan pada masa hadapan. Dengan meningkatkan sumber dan kemahiran pekerja tempatan, diharapkan pergantungan kepada buruh asing dapat dikurangkan secara berperingkat di masa akan datang.

Manakala di peringkat pengajian tinggi telah terdapat beberapa universiti, politeknik dan kolej komuniti di Pantai Timur dan Selangor / Kuala Lumpur yang mampu menampung keperluan tenaga kerja berkemahiran tinggi dan profesional. Terdapat 10 Universiti awam, 9 Politeknik dan 31 Kolej komuniti di negeri-negeri yang terlibat dengan pembinaan ECRL.

**Jadual 6.12:** Senarai IPTA di Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang, Selangor dan Kuala Lumpur

| Universiti Awam | Politeknik | Kolej Komuniti |
|---|---|---|
| **Selangor / Kuala Lumpur**<br>1. Universiti Malaya (UM)<br>2. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)<br>3. Universiti Putra Malaysia (UPM)<br>4. Universiti Teknologi MARA (UiTM) – Cawangan Selangor, Pahang, Terengganu dan Kelantan<br>5. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) – Kampus Selangor dan Kuantan<br>**Kelantan**<br>1. Universiti Malaysia Kelantan (UMK)<br>2. Universiti Sains Malaysia (USM) - Kampus Kubang Kerian<br>**Terengganu**<br>1. Universiti Malaysia Terengganu (UMT)<br>2. Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)<br><br>**Pahang**<br>1. Universiti Malaysia Pahang (UMP)<br><br>Jumlah = 10 | **Selangor / Kuala Lumpur**<br>1. Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (POLISAS)<br>2. Politeknik METrO Kuala Lumpur<br>**Pahang**<br>1. Politeknik METrO Kuantan<br>2. Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah<br>3. Politeknik Muadzam Shah<br>**Kelantan**<br>1. Politeknik Kota Bharu<br>**Terengganu**<br>1. Politeknik Kuala Terengganu<br>2. Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin<br>3. Politeknik Hulu Terengganu<br><br>Jumlah = 9 | **Selangor / Kuala Lumpur**<br>1. Kolej Komuniti Selayang<br>2. Kolej Komuniti Tanjung Karang<br>3. Kolej Komuniti Klang<br>4. Kolej Komuniti Shah Alam<br>5. Kolej Komuniti Ampang<br>6. Kolej Komuniti Sabak Bernam<br>7. Kolej Komuniti Kuala Langat<br>8. Kolej Komuniti Hulu Selangor<br>9. Kolej Komuniti Hulu Langat<br>10. Kolej Komuniti Kelana Jaya<br>11. Kolej Komuniti Sepang<br>**Pahang**<br>1. Kolej Komuniti Kuantan<br>2. Kolej Komuniti Bentong<br>3. Kolej Komuniti Temerloh<br>4. Kolej Komuniti Paya Besar<br>5. Kolej Komuniti Rompin<br>6. Kolej Komuniti Raub<br>7. Kolej Komuniti Lipis<br>8. Kolej Komuniti Bera<br>9. Kolej Komuniti Pekan<br>10. Kolej Komuniti Jerantut<br>11. Kolej Komuniti Maran<br>**Kelantan**<br>1. Kolej Komuniti Kok Lanas<br>2. Kolej Komuniti Pasir Mas<br>3. Kolej Komuniti Jeli<br>4. Kolej Komuniti Tanah Merah<br>**Terengganu**<br>1. Kolej Komuniti Kuala Terengganu<br>2. Kolej Komuniti Kemaman<br>3. Kolej Komuniti Besut<br>4. Kolej Komuniti Setiu<br>5. Kolej Komuniti Hulu Terengganu<br><br>Jumlah = 31 |

**Sumber :** Laman sesawang KPT, 2022

## 6.3 MODEL PERNIAGAAN DAN TADBIR URUS

Untuk memacu pembangunan di kawasan PeGTaECRL, beberapa model perniagaan boleh dilaksanakan oleh pihak kerajaan negeri secara usaha sama dengan pihak swasta atau mewujudkan Syarikat Bertujuan Khas (*Special Purpose Vehicle*).

### 6.3.1 USAHA SAMA (JV)

Perniagaan usaha sama merujuk kepada perikatan antara dua pihak atau lebih dalam suatu perniagaan. Rakan kongsi perniagaan boleh terdiri daripada individu, badan korporat atau bank. Perniagaan usaha sama sesuai dijalankan bagi membangunkan projek berskala sederhana dan besar seperti perumahan, pendidikan, kesihatan, pertanian dan sebagainya. Struktur perniagaan usaha sama adalah seperti di **Rajah 6.5**. :

**Rajah 6.5:** Model Perniagaan bagi Usaha Sama *(Joint Venture - JV)*




Berdasarkan kepada nisbah yang telah dipersetujui

Praktis prosedur dan pelaksanaan yang dilaksanakan bermula apabila anak syarikat kerajaan negeri dan rakan kongsi menandatangani perjanjian usaha sama dan mengeluarkan modal dalam nisbah tertentu. Seterusnya, rakan kongsi perniagaan dan anak syarikat menyediakan modal untuk menjalankan perniagaan dalam pelbagai bidang. Kedua-dua pihak perlu mewujudkan jawatankuasa bersama. Perbincangan tentang keuntungan atau kerugian akan ditanggung bersama berdasarkan kepada nisbah yang telah dipersetujui semua pihak untuk mengelak permasalahan pada masa depan.

**Jadual 6.13:** Senarai Kelebihan dan Kelemahan Perniagaan Usaha Sama

| KELEBIHAN | KELEMAHAN |
|---|---|
| • Lebih modal dapat dikumpulkan<br>• Dapat menggunakan kepakaran daripada rakan kongsi yang mempunyai kemahiran, pengetahuan dan pengalaman berlainan.<br>• Pengkhususan kerja dapat dilakukan dengan adanya pelbagai kemahiran dan kepakaran tersendiri daripada rakan kongsi.<br>• Risiko perniagaan dikongsi bersama rakan kongsi.<br>• Persaingan dapat dikurangkan melalui perkongsian, dengan itu perbelanjaan untuk persaingan dapat diagihkan bagi meningkatkan jualan dan mengembangkan perniagaan. | • Sekiranya berlaku salah faham atau perselisihan antara rakan kongsi, maka ini akan menjejaskan rancangan dan perjalanan perniagaan serta boleh membawa kepada pembubaran perkongsian.<br>• Kesilapan dari satu pihak akan mengikat rakan kongsi yang lain. Ini kerana setiap rakan kongsi mempunyai tanggungjawab terhadap perkongsiannya. Segala kerugian akan ditanggung bersama walaupun diakibatkan oleh seorang rakan kongsi.<br>• Perniagaan usaha sama adalah tidak berkekalan. Jika rakan kongsi menjadi bankrap atau syarikat rakan kongsi ditutup, perkongsian mungkin terpaksa dibubarkan. |

## 6.3.2 SYARIKAT BERTUJUAN KHAS (SPV)

Penubuhan *Special Purpose Vehicle* (SPV) ini adalah berdasarkan inisiatif untuk menaik taraf dan menyerlahkan nilai *(*unlock the value*)* sebenar aset. Rasional Penubuhan SPV adalah seperti berikut:

- Melaksanakan sesuatu pemajuan.
- Membeli aset, tetapi bukanlah menjual aset kepada pihak luar yang tidak berkaitan (tiada isu siapa yang akan membeli, tiada isu aset dijual di bawah nilai pasaran).
- Mengendalikan projek pembangunan tanah secara professional supaya agensi berkaitan dapat mengasingkan risiko kewangan. SPV pada kebiasaannya akan ditutup sebaik sahaja tujuan asal penubuhan SPV dicapai.
- Membantu Kerajaan Negeri mendapat khidmat professional yang lebih efisien dalam melaksanakan pembangunan tanah

**Jadual 6.14:** Senarai Aspek Utama dan Garis Panduan Kerjasama Awam-Swasta

| ASPEK UTAMA SPV | GARIS PANDUAN KERJASAMA AWAM-SWASTA |
|---|---|
| • Memudahkan pembiayaan bersama / pelbagai pihak dalam membiayai pemajuan<br>• Penyelarasan dan kesahihan<br>• Daya penggunaan atau pemakaian<br>• Bernilai dari segi kewangan<br>• Kelenturan<br>• Tiada proses yang merumitkan yang memberi kesan kepada tempoh masa dan kos<br>• Lebih berstruktur, ditabir, mampu berfungsi mengikut keperluan tanpa terikat kepada fungsi yang terhad kepada pembangunan yang khusus | Kerajaan telah memperkenalkan pendekatan Inisiatif Pembiayaan Swasta (*Private Finance Initiatives*) - PFI - dalam Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMKe-9) yang merupakan satu alternatif baharu di bawah rangka kerjasama awam-swasta (*Public Private Partnership* - PPP) bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan. Pendekatan ini mencerminkan hasrat Kerajaan untuk mempergiatkan penglibatan pihak swasta dalam ekonomi seterusnya menggalakkan lagi pertumbuhan pelaburan dalam negara.<br><br>Garis panduan ini adalah tertakluk kepada andaian berikut:<br>1. Pihak yang menandatangani kontrak PPP dengan pihak Kerajaan adalah *Special Purpose Vehicle (SPV)* manakala subkontraktor / komponen SPV akan menyediakan perkhidmatan bagi pihak SPV tersebut.<br>2. Projek melibatkan pembangunan, pembinaan dan pengoperasian secara bersepadu.<br>3. Projek dibiayai melalui *limited recourse debt* dan ekuiti. |

## Kriteria Pengenalan Projek

Bagi membolehkan Kementerian / agensi mengenal pasti dan memilih cadangan projek atau perkhidmatan yang sesuai dilaksana secara *Public Private Partnership* (PPP), antara lain, kriteria - kriteria berikut digunakan sebagai panduan

**Jadual 6.15:** Senarai Kriteria Penilaian Projek Garis Panduan Kerjasama Awam - Swasta *(Public Private Partnesrship - PPP)*

| KELAYAKAN SYARIKAT DAN PENERAJU | LAIN – LAIN KRITERIA |
|---|---|
| • Peneraju utama SPV bagi projek PPP perlu mempunyai kedudukan kewangan yang mantap serta mempunyai sumber kepakaran pengurusan dan teknikal yang berkaitan.<br>• Nilai modal berbayar syarikat SPV terbabit adalah sekurang-kurangnya 10% daripada nilai projek.<br>• Syarikat SPV perlu membuktikan ia mempunyai keupayaan bukan sahaja untuk membina aset dan mengurus risiko tetapi juga menyelenggara aset tersebut.<br>• Syarikat SPV perlu mempamerkan tahap inovasi yang sesuai yang dapat menyumbang kepada kualiti perkhidmatan yang disediakan serta memberi nilai ekonomik kepada pembeli perkhidmatan. | • Moratorium terhadap pegangan ekuiti dalam syarikat SPV.<br>• Pemilik ekuiti di dalam syarikat yang ditubuhkan bagi melaksanakan PPP perlu mengekalkan pegangan ekuiti mereka sekurang-kurangnya lima tahun selepas aset terlibat mula beroperasi.<br>• Perubahan pemilikan dan struktur pegangan ekuiti selepas 5 tahun perlu mendapat kelulusan UKAS, JPM.<br>• Penyertaan syarikat asing dalam projek PPP adalah dibenarkan sekiranya kemahiran yang diperlukan bagi meningkatkan kecekapan tidak terdapat dalam negara dan sekiranya modal tempatan tidak mencukupi. |

## Struktur Pelaksanaan Projek

Struktur pelaksanaan projek PPP akan melibatkan beberapa pihak yang berkepentingan seperti berikut:

- Syarikat kontraktor pembinaan
- Syarikat pengurusan fasiliti
- Institusi pembiaya kewangan projek
- Lain-lain pelabur

**Rajah 6.6:** Struktur Pelaksanaan



Pada masa ini terdapat beberapa Syarikat Bertujuan Khas (SPV) sedia ada yang ditubuhkan oleh kerajaan negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang yang terlibat dengan usaha menarik pelaburan, pembangunan usahawan dan pembangunan hartanah melalui anak syarikat.

**Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK)**

- Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) telah diperbadankan di bawah Enakmen Menteri Besar (Perbadanan) 1950 yang dipengerusikan oleh Menteri Besar Kelantan. PMBK merupakan sebuah agensi korporat dan peneraju pelaburan strategik kerajaan negeri Kelantan yang berprestasi tinggi dan berwibawa. Ia berperanan untuk mengambil alih, memegang dan membangunkan aset strategik bagi kerajaan negeri.
- Dalam menjalankan amanah dan tanggungjawab, PMBK mempunyai kumpulan yang ditubuhkan dalam pelbagai sektor demi memajukan ekonomi negeri Kelantan. Antaranya di dalam sektor perladangan, pertanian, bioteknologi, latihan, pembangunan infrastruktur, perbandaran, perniagaan dan juga kebajikan rakyat di negeri ini.
- PMBK disokong oleh 11 buah anak syarikat, antaranya PMBK Sawit Sdn. Bhd., PMBK Development Sdn. Bhd., PMBK Az-zahab Sdn. Bhd., Kifaalah Sdn. Bhd., Kelantan Gold Trade Sdn. Bhd., Kelantan Utilities Mubaarakan Holdings Sdn. Bhd., Air Kelantan Sdn. Bhd., Majaari Services Sdn. Bhd., Sihhat-Afiat Sdn. Bhd., Kelantan Biotech Corporation Sdn. Bhd dan Bio Tajmeel Cosmeceutical Sdn. Bhd.

**Terengganu Incorporated Sdn Bhd (Terengganu Inc.)**

- Ditubuhkan pada Mac 2006, Terengganu Incorporated Sdn Bhd (Terengganu Inc.) telah dikenal pasti oleh Kerajaan Negeri sebagai cabang pelaburan strategik mereka. Di bawah program rasionalisasi, Terengganu Inc. akan menerajui semua aktiviti perniagaan, komersial dan pelaburan negeri. Pembentukan perbadanan milik penuh ini menggariskan komitmen Kerajaan Negeri untuk meningkatkan peluang pelaburan bagi membiayai program pembangunan sosial dan memastikan pertumbuhan jangka panjang Terengganu yang mampan. Dengan memperkemas portfolio pelaburan negeri, skala ekonomi yang lebih baik, mewujudkan sinergi antara syarikat dan menumpukan kepada pulangan pelaburan, Terengganu Inc. menyasar untuk menjadi enjin pertumbuhan Terengganu pada alaf baharu untuk manfaat rakyat.
- Terengganu Inc. ialah syarikat induk pelaburan strategik yang mengurus dan memantau segala bentuk aktiviti perniagaan komersial dan pelaburan Kerajaan Negeri yang dilaksanakan melalui agensi negeri. Penggabungan portfolio pelaburan negeri di bawah pengurusan Terengganu Inc. akan menjana pulangan optimum daripada perniagaan yang dilaburkannya.
- Melalui penubuhannya, Terengganu Inc. memikul tanggungjawab penyusunan semula dan penyatuan pada 1 Mac 2007. Ini terpakai kepada semua aktiviti perniagaan, komersial dan pelaburan Negeri Terengganu di bawah Terengganu Inc.
- Selain itu terdapat enam (6) agensi kerajaan negeri iaitu Menteri Besar Terengganu (Incorporated), Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT), Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT), Yayasan Terengganu (YT), Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Islam Terengganu (YIT) dan Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPK).

**Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP)**

Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) ditubuhkan pada 27 Disember 1965 melalui Enakmen LKNP Bil. 12/65 dengan tanggungjawab utamanya bagi meningkat, mendorong, memberi kemudahan serta menjalankan usaha-usaha pembangunan ekonomi dan sosial negeri terutamanya di kawasan luar bandar.

**Pembangunan Industri**

Bahagian Perindustrian memainkan peranan utama menarik Pelaburan Asing Langsung (FDI) dan Pelaburan Tempatan Langsung (DDI) untuk melabur di Negeri Pahang serta menyediakan kemudahan infrastruktur asas dalam kawasan-kawasan perindustrian yang dibangunkan oleh PKNP. Selaku *One Stop Agency* (OSA), PKNP bertanggungjawab memainkan peranan-peranan seperti berikut :

1) Mewujudkan dan memupuk iklim pelaburan yang menarik bagi pelabur yang berpotensi dan sedia ada.
2) Menggalakkan pelaburan asing.
3) Memudahkan pemprosesan permohonan pelabur.
4) Menyediakan bantuan teknikal dan khidmat nasihat.

**Pembangunan Hartanah dan Pelaburan**

Pembangunan Hartanah adalah salah satu sektor yang menyumbang kepada pendapatan PKNP melalui pembangunan projek-projek komersial dan sosial yang memenuhi keperluan rakyat. Fungsi Projek Pembangunan Hartanah dibahagikan kepada tiga (3) fungsi utama seperti berikut:

1) Pembangunan Projek Komersial (Perumahan & Kedai ).
2) Pembangunan Bandar Baharu.
3) Pembangunan Projek Sosial.

**Pembangunan Usahawan**

Pembangunan usahawan Bumiputera merupakan salah satu daripada tanggungjawab utama PKNP sepertimana termaktub dalam enakmen penubuhannya. Sektor ini fokus untuk melahirkan usahawan yang berdaya saing, maju dan kompeten melalui bimbingan, latihan kemahiran, perkongsian pengalaman dan jaringan strategik perniagaan. Melalui sektor ini, PKNP turut menjalankan tanggungjawab dalam program pembudayaan pembangunan keusahawanan yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah seluruh negeri Pahang dengan peruntukannya dibiayai sepenuhnya oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).

## 6.4 MEKANISMA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN PeGTaECRL

Setiap agensi, sama ada di peringkat persekutuan, negeri dan tempatan bertanggungjawab dalam memastikan strategi dan tindakan PeGTaECRL dilaksanakan. PeGTaECRL perlu dijadikan sebagai panduan oleh semua agensi dan hendaklah diselaraskan dengan perancangan spatial terutama Rancangan Tempatan serta bagi memohon peruntukan kewangan bagi projek untuk Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT). Dalam pelaksanaan strategi dan tindakan PeGTaECRL, usaha sama antara agensi penting supaya matlamat pembangunan PeGTaECRL dapat dicapai. Agensi-agensi pelaksana harus mengambil tindakan yang proaktif dengan menterjemahkan cadangan kepada projek yang lebih khusus untuk dilaksanakan. Cadangan projek PeGTaECRL perlu diambil perhatian, dilaksanakan, dipantau dan diselaraskan dari masa ke semasa oleh agensi pemantauan yang dikenal pasti.

Di dalam mengenal pasti cadangan dan projek terperinci di dalam PeGTaECRL, pasukan kajian telah mengambil kira dasar, kajian, pelan induk, laporan dan cadangan projek yang telah disediakan oleh pelbagai agensi berkaitan di peringkat persekutuan dan negeri seperti di **Jadual 6.16**:

**Jadual 6.16:** Implikasi Kajian Peringkat Persekutuan, Negeri dan Tempatan Kepada Pembangunan di Jajaran dan Stesen ECRL

| Pelan / Kajian | Kementerian / Agensi Penyedia | Implikasi Kepada Pembangunan di Jajaran dan Stesen ECRL |
|---|---|---|
| **Persekutuan** | | |
| 1. Dasar Perhutanan Negara (2021-2030) | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) | • Guna tanah di jajaran ECRL dan sekitar 15 km dari stesen ECRL melibatkan 392,083.8 hektar hutan bagi negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Selangor.<br>• Strategi Teras 1 ialah untuk mengekal dan meningkatkan kawasan hutan dan litupan pokok. |
| 2. Dasar pengangkutan Negara (2019-2030) | Kementerian Pengangkutan (MOT) | • Teras Dasar 1, 2 dan 4 mempunyai implikasi secara langsung kepada pembinaan dan pembangunan di sepanjang jajaran ECRL.<br>• Pelan Tindakan Utama bagi Teras 1 termasuk memperkukuh penyelarasan antara kerajaan Persekutuan dan negeri melalui National Transport Council. |
| 3. Dasar Perumahan Negara (2018-2025) | Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) | • Memastikan inisiatif pengangkutan dan perancangan perumahan diselaraskan di peringat nasional dan sub-nasional.<br>• Memperkukuhkan kerjasama antara agensi perumahan dan pengangkutan negeri dalam menjalankan penilaian keperluan isi rumah untuk memaklumkan dan melaksanakan perancangan yang seragam di peringkat negeri dan tempatan. |
| 4. Dasar Pembangunan Luar Bandar (2020-2030) | Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) | Kelantan 44 kampung Tradisi, Terengganu 125 buah kampung Tradisi, Pahang 25 buah Kampung Tradisi dan 2 Kampung Orang asli di sepanjang jajaran ECRL. |
| 5. Dasar Perbandaran Negara 2 (2016-2025) | Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) | • Memastikan semua permohonan perancangan mematuhi rancangan pemajuan dan garis panduan berkaitan.<br>• Mengenal pasti bandar bandar bersebelahan di bawah pentadbiran PBT berbeza. |
| 6. Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara (2016-2030) | Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) | Teras 5 menumpukan kepada pengukuhan sistem urus tadbir desa. Ini termasuklah pengukuhan kerjasama dan koloborasi antara agensi pelaksana dan meningkatkan penyertaan NGO, persatuan dan badan sukarela. |

**Jadual 6.16:** Implikasi Kajian Peringkat Persekutuan, Negeri dan Tempatan Kepada Pembangunan di Jajaran dan Stesen ECRL (sambungan)

| Pelan / Kajian | Kementerian / Agensi Penyedia | Implikasi Kepada Pembangunan di Jajaran dan Stesen ECRL |
|---|---|---|
| 7. Dasar Pelancongan Kebangsaan (2020-2030) | Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) | • Memperkasa PBT untuk bergerak aktif untuk mengurus destinasi pelancongan.<br>• Mengurangkan peranan pihak kerajaan dalam pengurusan destinasi pelancongan melalui kaedah PPP. |
| 8. Dasar Agromakanan Negara 2.0 (2020-2030) | Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MPKM) | • Agromakanan dalam Teras 5 menyediakan ekosistem perniagaan yang kondusif dan kerangka institusi yang kukuh bagi memastikan pencapaian matlamat dasar.<br>• Jajaran di Kelantan melalui kawasan Pertanian Padi KADA, IADA Kemasik-Semerak dan IADA Ketara merupakan kawasan penanaman padi utama. |
| 9. Rancangan Fizikal Negara 4 (RFN4) 2021 | Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) | • Strategi dan cadangan RFN4 telah diambil kira dalam penyediaan cadangan PeGTaECRL. |
| 10. Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (CFS) 2021 | Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) | • Strategi dan cadangan Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (CFS) telah diambil kira dalam penyediaan cadangan PeGTaECRL. |
| 11. Pelan Induk ECER 2.0 (2018-2025) | ECERDC | • Strategi dan cadangan Pelan Induk ECER 2.0 telah diambil kira dalam penyediaan cadangan PeGTaECRL. |
| 12. Rancangan Fizikal Zon Pesisir Pantai Negara 2, 2021 | Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) | • Strategi dan cadangan Rancangan Fizikal Zon Pesisir Pantai Negara telah diambil kira dalam penyediaan cadangan PeGTaECRL. |
| 13. Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya (HNDP) 2030 | Bahagian Perancang Jalan, KKR | • Penyediaan cadangan jalan baharu di sekitar Stesen ECRL telah mengambil kira Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya (HNDP) 2030. |
| 14. Laporan “Road Traffic Volume Malaysia (RTVM) 2020 | Bahagian Perancang Jalan, KKR | • Penyediaan cadangan jalan baharu di sekitar Stesen ECRL telah mengambil kira Laporan “Road Traffic Volume Malaysia (RTVM) 2020. |
| 15. Malaysia Industrial Park Directory 2020 | MIDA | • Perancangan kawasan perindustrian baharu mengambil kira status kesediaan dan pengisian tapak di kawasan industri sedia ada di sepanjang jajaran dan stesen ECRL. |
| **Negeri** | | |
| 1. Rancangan Struktur Negeri Kelantan 2040 | Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) | • Strategi dan cadangan Rancangan Struktur Negeri Kelantan 2040 telah diambil kira. |
| 2. Rancangan Struktur Negeri Terengganu 2050 | Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) | • Strategi dan cadangan Rancangan Struktur Negeri Terengganu 2050 telah diambil kira. |
| 3. Rancangan Struktur Negeri Pahang 2050 | Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) | • Strategi dan cadangan Rancangan Struktur Negeri Pahang 2050 telah diambil kira. |
| 4. Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 | Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) | • Strategi dan cadangan Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 telah diambil kira. |
| 5. Draf Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 | Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) | • Strategi dan cadangan Draf Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 telah diambil kira. |

## 6.4.1 PEMANTAUAN DAN PENILAIAN PELAKSANAAN PeGTaECRL

Pemantauan dan penilaian pelaksanaan PeGTaECRL adalah menjadi tanggungjawab pihak berkuasa negeri dan agensi-agensi pelaksana mengikut strategi serta tindakan di dalam PeGTaECRL. Dalam pelaksanaan strategi dan tindakan PeGTaECRL, usaha sama antara agensi adalah penting supaya matlamat pembangunan PeGTaECRL dapat dicapai. Senarai agensi persekutuan, negeri dan tempatan yang terlibat dengan pelaksanaan PeGTaECRL serta kos pembangunan mengikut teras seperti berikut:

| TERAS | AGENSI | KOS |
|---|---|---|
| **TERAS 1** Kesepaduan Perancangan Guna Tanah Dan Perkhidmatan Wilayah. | **Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT)** | **RM75,470,000** |
| | **Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)** | |
| | **Kementerian Kerja Raya Malaysia (KKR)** | |
| | **Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)** | |
| | ***East Coast Economic Region Development Council* (ECERDC)** | |
| | **Permodalan Nasional Berhad (PNB)** | |
| | **Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)** | |
| | **PLANMalaysia Negeri** | |
| | **Lembaga Perumahan** | |
| | **Bahagian Perumahan Negeri** | |
| | **Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)** | |
| | **Jabatan Kerja Raya (JKR)** | |
| | **Jabatan Landskap Negara (JLN)** | |
| **TERAS 2** Pemacu Pertumbuhan Ekonomi Wilayah Dan Tempatan | **Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)** | **-** |
| | **Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI)** | |
| | **Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT)** | |
| | **Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)** | |
| | ***East Coast Economic Region Development Council* (ECERDC)** | |
| | **Unit Perancangan Ekonomi, Kementerian Ekonomi (KE)** | |
| | **Kerajaan Negeri** | |
| | **Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)** | |
| | **Pihak Berkuasa Negeri (PBN)** | |
| | **PLANMalaysia Negeri** | |
| | ***Malaysian Investment Development Authority* (MIDA)** | |
| | **Perbadanan Kemajuan Negeri** | |
| | **Lembaga Kemajuan Wilayah** | |

| TERAS | AGENSI | KOS |
|---|---|---|
| **TERAS 3** Pengukuhan Kesalinhubungan, Mobilit dan Infrastruktur Sokongan. | Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) | RM45,224,589,849 |
| | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) | |
| | Kementerian Kerja Raya Malaysia (KKR) | |
| | Kementerian Komunikasi dan Digital Malaysia (KKD) | |
| | *East Coast Economic Region Development Council* (ECERDC) | |
| | Permodalan Nasional Berhad (PNB) | |
| | Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) | |
| | PLANMalaysia Negeri | |
| | Pengendali Perkhidmatan Pengangkutan Awam | |
| | Jabatan Kerja Raya (JKR) | |
| **PEMBOLEH DAYA UTAMA** Pengurusan dan Pelaksanaan Pembangunan Berdaya Laksana | Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) | - |
| | Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) | |
| | Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) | |
| | Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) | |
| | Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) | |
| | Kementerian Sumber Manusia (MOHR) | |
| | Kementerian Luar Negeri (KLN) | |
| | *East Coast Economic Region Development Council* (ECERDC) | |
| | Unit Perancangan Ekonomi, Kementerian Ekonomi (KE) | |
| | *Malaysian Investment Development Authority* (MIDA) | |
| | Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) | |
| | Pihak Berkuasa Negeri (PBN) | |
| | Jabatan Tenaga Buruh / MARA | |
| | UPEN Kelantan | |
| | Pihak Berkuasa Negeri Kelantan | |

Pelaksanaan PeGTaECRL melibatkan tiga (3) fasa mengikut keutamaan iaitu Jangka Pendek (2023-2025) melibatkan cadangan projek sebelum ECRL mula beroperasi pada 2026, Jangka Sederhana (2026-2030) melibatkan cadangan projek pada peringkat awal operasi ECRL dan Jangka Panjang (2031-2040) iaitu cadangan projek yang menyokong dan pemangkin pembangunan untuk mencapai matlamat PeGTaECRL.

**Jangka Pendek (Fasa 1) 2023-2025** → **Jangka Sederhana (Fasa 2) 2026-2030** → **Jangka Panjang (Fasa 3) 2031-2040**

Jadual berikut merupakan ringkasan jumlah cadangan projek dan fasa pelaksanaan mengikut negeri. Senarai cadangan terperinci boleh rujuk di **Jilid II – Bab 4: Mekanisme Pelaksanaan dan Pemantauan PeGTaECRL** bagi setiap negeri yang terlibat.

**Jadual 6.17:** Ringkasan Jumlah Kos, Cadangan / Projek dan Fasa Pelaksanaan Mengikut Negeri dan Stesen ECRL

| Stesen ECRL | Kos Keseluruhan (RM) | Cadangan | | | | Jangka Masa Pelaksanaan | | | Jumlah Projek |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | GT & P | RBB & K | PA & LL | E | Fasa 1 | Fasa 2 | Fasa 3 | |
| **KELANTAN** | | | | | | | | | |
| Kota Bharu | 3,384,478,491 | 5 | 8 | 17 | 9 | 9 | 23 | 7 | **39** |
| Pasir Puteh | 2,382,768,293 | 4 | 9 | 16 | 9 | 11 | 25 | 2 | **38** |
| **Jumlah** | **5,767,246,784** | **9** | **17** | **33** | **18** | **20** | **48** | **9** | **77** |
| **TERENGGANU** | | | | | | | | | |
| Jerteh | 2,543,748,226 | 3 | 9 | 9 | 9 | 10 | 20 | 0 | **30** |
| Bandar Permaisuri | 2,401,780,839 | 5 | 8 | 9 | 9 | 13 | 15 | 3 | **31** |
| Kuala Terengganu | 1,117,715,153 | 4 | 10 | 18 | 9 | 11 | 22 | 8 | **41** |
| Dungun | 28,765,001 | 3 | 8 | 6 | 8 | 11 | 13 | 1 | **25** |
| Kemasik | 468,068,602 | 2 | 8 | 6 | 8 | 7 | 15 | 2 | **24** |
| Chukai | 735,288,861 | 2 | 9 | 6 | 9 | 11 | 14 | 1 | **26** |
| **Jumlah** | **7,295,366,682** | **19** | **52** | **54** | **52** | **63** | **99** | **15** | **177** |
| **PAHANG** | | | | | | | | | |
| Cherating | 86,115,693 | 2 | 9 | 6 | 8 | 8 | 12 | 5 | **25** |
| KPC | 778,642,151 | 2 | 6 | 7 | 8 | 6 | 13 | 4 | **23** |
| KotaSAS | 3,481,616,261 | 3 | 8 | 8 | 8 | 7 | 16 | 4 | **27** |
| Paya Besar | 2,382,355,131 | 2 | 10 | 7 | 9 | 12 | 11 | 5 | **28** |
| Maran | 48,331,206 | 4 | 8 | 6 | 8 | 9 | 13 | 4 | **26** |
| Temerloh | 2,251,962,583 | 4 | 7 | 9 | 9 | 11 | 12 | 6 | **29** |
| Bentong | 4,438,388,146 | 2 | 10 | 9 | 9 | 10 | 19 | 1 | **30** |
| **Jumlah** | **13,467,411,171** | **19** | **58** | **52** | **59** | **63** | **96** | **29** | **188** |
| **SELANGOR** | | | | | | | | | |
| ITT Gombak | 7,543,545,999.00 | 1 | 10 | 9 | 8 | 5 | 21 | 2 | **28** |
| Serendah | 719,425,726 | 3 | 8 | 12 | 9 | 12 | 20 | 0 | **32** |
| Puncak Alam | 1,402,184,780 | 3 | 7 | 7 | 9 | 11 | 14 | 1 | **26** |
| Kapar | 2,896,883,400 | 5 | 9 | 8 | 8 | 12 | 17 | 1 | **30** |
| Jalan Kastam | 6,207,995,308 | 4 | 13 | 14 | 8 | 15 | 18 | 6 | **39** |
| **Jumlah** | **18,770,035,213** | **16** | **47** | **50** | **42** | **55** | **90** | **10** | **155** |

Nota:
i. GT & P - Guna Tanah & Pengangkutan; RBB & K - Reka Bentuk Bandar & Kesalinghubungan; PA & LL - Pengangkutan Awam & Lalu Lintas; E – Ekonomi
ii. Fasa 1: 2023 – 2025; Fasa 2: 2026 – 2030 dan Fasa 3: 2031 – 2040

Penilaian dan pemantauan terhadap PeGTaECRL bertujuan untuk menentukan status pelaksanaan dan pencapaian PeGTaECRL. **Laporan mengenai pelaksanaan PeGTaECRL hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) setiap tahun.** Penemuan daripada penilaian dan pemantauan terhadap PeGTaECRL juga boleh menjadi asas bagi meninjau semula tindakan-tindakan PeGTaECRL. Kerja penilaian dan pemantauan terhadap PeGTaECRL melibatkan pemantauan status pelaksanaan PeGTaECRL, terutamanya mengenai status pelaksanaan tindakan-tindakan serta inisiatif-inisiatif utama PeGTaECRL. Penilaian dibuat dengan menggunakan **kaedah skor *(scoring method)*** untuk memantau tahap sejauh mana sesuatu tindakan dan inisiatif utama PeGTaECRL telah dilaksanakan mengikut peringkat, iaitu sama ada peringkat perancangan, dalam proses melaksana atau telah siap dilaksanakan. Penentuan tahap pencapaian ini boleh dibuat berdasarkan kepada penilaian secara kumpulan antara agensi-agensi pelaksana yang berkaitan. Ini secara langsung akan mempertingkatkan keberkesanan serta pelaksanaan strategi dan tindakan PeGTaECRL.

**Jadual 6.18:** Contoh Jadual untuk Pemantauan Status Pelaksanaan Strategi dan Tindakan PeGTaECRL

| Strategi | Tindakan | Fasa Pelaksanaan | | | Dalam Perancangan (Skor – 1) | Dalam Pelaksanaan (Skor – 2) | Siap di Laksanakan (Skor -3) | Skor | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 1 | 2 | 3 | | | | Jumlah | Purata |
| **S1-1** | T1-1.1 | ✓ | | | | | ✓ | 3 | 3/3 |
| | T1-1.2 | ✓ | | | | ✓ | | 2 | 2/3 |
| | T1-1.3 | ✓ | | | ✓ | | | 1 | 1/3 |
| **Jumlah kecil** | | | | | | | | 6 | 6/9 |

Nota:

I. Fasa Pelaksanaan merujuk tempoh jangka pendek (2023-2025), sederhana (2026-2030) dan panjang (2031-2040)
II. Setiap Tindakan di nilai mengikut tahap pelaksanaan iaitu dalam perancangan (skor=1) dalam pelaksanaan (skor=2) atau siap dilaksanakan (skor=3)
III. Berdasarkan kepada jumlah skor dan bilangan Tindakan yang berkaitan, purata skor bagi setiap strategi akan ditentukan
IV. Nilai purata skor yang lebih tinggi bagi sesuatu strategi menunjukkan tahap pelaksanaan yang lebih baik
V. Penilaian perlu di lakukan pada setiap tahun oleh PBT / agensi berkaitan untuk tujuan pemantauan berterusan oleh agensi pemantau.

**Jadual 6.19:** Indikator bagi Teras 1 Kesepaduan Perancangan Guna Tanah Dan Perkhidmatan Wilayah.

| STRATEGI | TINDAKAN | INDIKATOR | SASARAN PENCAPAIAN (2040) | SASARAN PENCAPAIAN MENGIKUT FASA | | | AGENSI PELAKSANA UTAMA | AGENSI PEMANTAU |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | 1 | 2 | 3 | | |
| **TERAS 1: KESEPADUAN PERANCANGAN GUNA TANAH DAN PERKHIDMATAN WILAYAH** | | | | | | | | |
| S1-1 PERBANDARAN BAHARU TOD / TAD | T1-1.1 Merancang guna tanah perbandaran stesen berpotensi secara optimum melalui pembangunan berorientasikan transit (TOD) dan intensiti pembangunan yang lebih tinggi. | Pembangunan berorientasi-kan transit (TOD) di kawasan yang dikenal pasti berpotensi untuk dibangunkan di sekitar stesen ECRL | **14 stesen TOD:**<br>1. Kota Bharu<br>2. Jerteh<br>3. Kuala Terengganu<br>4. Dungun<br>5. Chukai<br>6. Cherating<br>7. KotaSAS<br>8. Paya Besar<br>9. Temerloh<br>10. Bentong<br>11. ITT Gombak<br>12. Puncak Alam<br>13. Kapar<br>14. Jalan Kastam | 5 | 10 | 14 | Pihak Berkuasa Tempatan | PLANMalaysia@ Negeri |
| | T1-1.2 Menggalakkan pembangunan guna tanah perbandaran bersesuaian dengan potensi pembangunan berhampiran transit (TAD) dalam kawasan perancangan. | Pembangunan perumahan dan komersial dengan intensiti sederhana dan rendah di kawasan perancangan stesen ECRL | **6 stesen ECRL:**<br>1. Stesen Pasir Puteh (COD)<br>2. Stesen Bandar Permaisuri<br>3. Stesen Kemasik<br>4. Stesen Kuantan Port City (COD)<br>5. Stesen Maran<br>6. Stesen Bandar Serendah (COD) | 1 | 3 | 6 | Pihak Berkuasa Tempatan | PLANMalaysia@ Negeri |
| | T1-1.3 Menggalakkan pembangunan perumahan mampu milik dan kemudahan sokongan di kawasan berhampiran stesen. | Kawasan perumahan baharu di sekitar stesen ECRL untuk pelbagai golongan penduduk | Cadangan kawasan perumahan baharu di kawasan TOD dan Perancangan di semua 20 Stesen ECRL | 5 | 10 | 20 | Pihak Berkuasa Tempatan | Lembaga Perumahan / Bahagian Perumahan Negeri |

**Jadual 6.19:** Indikator bagi Teras 1 Kesepaduan Perancangan Guna Tanah Dan Perkhidmatan Wilayah (sambungan).

| STRATEGI | TINDAKAN | INDIKATOR | SASARAN PENCAPAIAN (2040) | SASARAN PENCAPAIAN MENGIKUT FASA | | | AGENSI PELAKSANA UTAMA | AGENSI PEMANTAU |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | 1 | 2 | 3 | | |
| **TERAS 1: KESEPADUAN PERANCANGAN GUNA TANAH DAN PERKHIDMATAN WILAYAH** | | | | | | | | |
| S1-2 PERANCANGAN COD DAN KAWASAN EKONOMI | T1-2.1 Menyediakan kemudahan sokongan aktiviti perkhidmatan kargo berhampiran stesen kargo dan di dalam kawasan perancangan. | Pembangunan Hab Logistik dan Kargo. | **Sasaran 4 Hub logistik**<br>1. Stesen Pasir Puteh<br>2. Stesen Dungun<br>3. Stesen Temerloh<br>4. Stesen Bandar Serendah | 2 | 4 | 4 | Pihak Berkuasa Tempatan | Kementerian Pengangkutan |
| S1-3 KAWALAN PEMBANGUNAN | T1-3.1 Mengawal penukaran aktiviti guna tanah terutama KSAS dan kawasan pertanian utama serta kawalan guna tanah di sepanjang jajaran ECRL. | 1. Mengenakan kawalan guna tanah yang ketat bagi guna tanah hutan, kawasan tanah tinggi dan pertanian utama dalam kelulusan pembangunan tanah.<br>2. Mengekalkan kawasan guna tanah hutan atau pertanian.<br>3. Menyediakan kawalan di sepanjang koridor jajaran rel dengan penentuan zon penampan guna sama. | Kawalan pembangunan di dalam kawasan Zon Perlindungan Keretapi dan kawasan bersempadan dengan Zon Perlindungan Keretapi . | 100% | 100% | 100% | Pihak Berkuasa Tempatan | PLANMalaysia@ Negeri |
| | T1-3.2 Merancang guna tanah, rangkaian jalan dan kemudahan di sepanjang jajaran ECRL dengan mengambil kira kepentingan rangkaian ekologi CFS, koridor hidupan liar dan petempatan Orang Asli. | 1. Melaksanakan perancangan mitigasi koridor hidupan liar bagi kawasan yang merentasi rangkaian ekologi atau CFS.<br>2. Memastikan pembangunan menitik beratkan kesejahteraan penduduk setempat termasuk penduduk orang asli. | Kawasan CFS sekitar Stesen ECRL Bandar Permaisuri. | 100% | 100% | 100% | Pihak Berkuasa Tempatan | PLANMalaysia@ Negeri |

**Jadual 6.19:** Indikator bagi Teras 1 Kesepaduan Perancangan Guna Tanah Dan Perkhidmatan Wilayah (sambungan).

| STRATEGI | TINDAKAN | INDIKATOR | SASARAN PENCAPAIAN (2040) | SASARAN PENCAPAIAN MENGIKUT FASA | | | AGENSI PELAKSANA UTAMA | AGENSI PEMANTAU |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | 1 | 2 | 3 | | |
| **TERAS 1: KESEPADUAN PERANCANGAN GUNA TANAH DAN PERKHIDMATAN WILAYAH** | | | | | | | | |
| **S1-4 PERANCANGAN REKA BENTUK BANDAR DAN PENGANGKUTAN ECRL** | T1-4.1 Menggalakkan *human scale development* terutama di kawasan TOD dan kawasan perancangan mengikut intensiti dan kawalan *plinth* yang bersesuaian berdasarkan panduan garis langit yang menghormati konteks setempat. | 1. Pembangunan mampan dan pembentukan bandar yang *walkable.*<br>2. Garis langit yang menarik dan sesuai dengan konteks setempat.<br>3. Variasi ketinggian bangunan. | 1. Pengurangan tahap kebergantungan kepada kenderaan bermotor.<br>2. Garis langit berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan.<br>3. Ketinggian dibezakan bagi pembangunan di dalam sempadan TOD dengan pembangunan di luar sempadan TOD. | 100% | 100% | 100% | Pihak Berkuasa Tempatan | PLANMalaysia@ Negeri |
| **S1-3 KAWALAN PEMBANGUNAN** | T1-4.2 Menekankan orientasi, susun atur bangunan dan reka bentuk fasad bangunan dilengkapi *pedestrian linkages* yang menggalakkan aktiviti berjalan kaki dan ruang aktif. | 1. Lorong-lorong antara bangunan yang aktif.<br>2. Teduhan dari susunatur bangunan.<br>3. Penyediaan ruang-ruang yang aktif di hadapan bangunan komersial. | 1. Tahap *permeability* yang tinggi dan *pathway linkages* yang selamat.<br>2. Susunan bangunan yang mesra pejalan kaki.<br>3. Ruang-ruang kaki lima yang vibran. | 100% | 100% | 100% | Pihak Berkuasa Tempatan | PLANMalaysia@ Negeri |
| | T1-4.3 Menjadikan nilai sosiobudaya setempat sebagai asas pertimbangan perancangan, pembangunan guna tanah dan reka bentuk. | Pembangunan jajaran stesen ECRL dan TOD melalui proses Penilaian Impak Sosial. | Jajaran, pembangunan stesen dan TOD mendapat kelulusan Kajian Penilaian Impak Sosial. | 100% | 100% | 100% | Pihak Berkuasa Tempatan | PLANMalaysia@ Negeri |

**Jadual 6.20:** Indikator bagi Teras 2 Pemacu Pertumbuhan Ekonomi Wilayah dan Tempatan

| STRATEGI | TINDAKAN | INDIKATOR | SASARAN PENCAPAIAN (2040) | SASARAN PENCAPAIAN MENGIKUT FASA | | | AGENSI PELAKSANA UTAMA | AGENSI PEMANTAU |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | 1 | 2 | 3 | | |
| **TERAS 2: PEMACU PERTUMBUHAN EKONOMI WILAYAH DAN TEMPATAN** | | | | | | | | |
| **S2-1 PENGUKUHAN EKONOMI KAWASAN PERTUMBUHAN SEDIA ADA** | T2-1.1 Mengukuhkan kawasan Nod Pembangunan ECER yang melibatkan kawasan tadahan beberapa stesen ECRL bagi memperkukuhkan lagi kawasan pertumbuhan wilayah. | Pembangunan sempadan kawasan tadahan stesen ECRL mengikut kepentingan dan potensi. | Pembangunan mengikut fungsi utama Kawasan Nod Pembangunan ECER<br>Nod 1: Zon Ekonomi Khas (SEZ) ECER<br>Nod 2: Pembangunan Rentas Sempadan<br>Nod 3: Segitiga Pembangunan Kuala Terengganu<br>Nod 6: Kawasan Pertumbuhan Pahang Barat<br>Nod 7: DARA - Jengka | 100% | 100% | 100% | Pihak Berkuasa Tempatan | ECERDC / Pihak Berkuasa Negeri |
| | T2-1.2 Meningkatkan pembangunan ekonomi di kawasan pembangunan Konurbasi Nasional, Konurbasi Timur dan Zon Promosi Pembangunan (ZPP) RFN4. | Pembangunan sempadan kawasan tadahan stesen ECRL mengikut kepentingan dan potensi. | Pembangunan sempadan kawasan tadahan stesen ECRL yang terlibat mengikut kepentingan, kriteria dan fokus Konurbasi dan ZPP RFN4 yang terlibat iaitu ZPP Kota Bharu<br>ZPP Kuala Terengganu<br>ZPP Jerantut – Bandar Tun Abdul Razak (Maran) – Temerloh – Mentakab). | 100% | 100% | 100% | Pihak Berkuasa Tempatan | PLANMalaysia@ Negeri |
| **S2-2 PENGUKUHAN SEKTOR PERINDUSTRIAN** | T2-2.1 Mengoptimumkan penggunaan kawasan perindustrian sedia ada di dalam kawasan tadahan ECRL . | Meningkatkan Peratus penggunaan kawasan perindustrian sedia ada. | Memastikan 100% kawasan Perindustrian sedia ada di optimumkan. | 70% | 80% | 100% | Pihak Berkuasa Tempatan / ECERDC / MIDA | UPEN / BPEN |
| | T2-2.2 Meluaskan rantaian aktiviti industri hiliran dan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Tradisional sedia ada berasaskan sumber tempatan ke tahap komersial dan bernilai tambah tinggi di kawasan tadahan stesen ECRL. | Menambah Jenis industri hiliran dan IKS yang dihasilkan. | Industri hiliran dan IKS yang pelbagai (27 Produk). | 15 | 20 | 27 | Pihak Berkuasa Tempatan | UPEN / BPEN |

**Jadual 6.20:** Indikator bagi Teras 2 Pemacu Pertumbuhan Ekonomi Wilayah dan Tempatan (sambungan).

| STRATEGI | TINDAKAN | INDIKATOR | SASARAN PENCAPAIAN (2040) | SASARAN PENCAPAIAN MENGIKUT FASA | | | AGENSI PELAKSANA UTAMA | AGENSI PEMANTAU |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | 1 | 2 | 3 | | |
| **TERAS 2: PEMACU PERTUMBUHAN EKONOMI WILAYAH DAN TEMPATAN** | | | | | | | | |
| **S2-3 PERKEMBANGAN RANCAK SEKTOR PERNIAGAAN DI KAWASAN PERANCANGAN ECRL** | T2-3.1 Mengukuhkan kawasan perniagaan dan perkhidmatan sedia ada di kawasan perancangan ECRL supaya lebih komprehensif dan berkualiti tinggi serta membangunkan kawasan perniagaan dan Pembangunan baharu. | 1. Peratus penggunaan kawasan perniagaan dan perkhidmatan sedia ada.<br>2. Peratus kawasan perniagaan dan perkhidmatan baharu yang dibangunkan. | Pengukuhan Kawasan Perniagaan Sedia ada – 58 kawasan | 40 | 50 | 58 | Pihak Berkuasa Tempatan | ECERDC / Pihak Berkuasa Negeri |
| **S2-4 ECRL SEBAGAI MOD PENGANGKUTAN UTAMA SEKTOR PELANCONGAN** | T2-4.1 Meningkatkan keupayaan sektor Pelancongan Wilayah Pantai Timur dan Negeri Selangor sebagai penjana ekonomi kawasan setempat dengan menjadikan pengangkutan ECRL sebagai mod pengangkutan utama. | Peratus kenaikan bilangan pelancong yang menggunakan perkhidmatan ECRL sebagai pengangkutan ke destinasi pelancongan yang ingin dituju. | 5% kenaikan jumlah Pelancong antarabangsa dan domestik. | 2% | 3% | 5% | MOTAC Negeri | MOTAC |

**Jadual 6.21:** Indikator bagi Teras 3 Pengukuhan Kesalinghubungan, Mobiliti Dan Infrastruktur Sokongan.

| STRATEGI | TINDAKAN | INDIKATOR | SASARAN PENCAPAIAN (2040) | SASARAN PENCAPAIAN MENGIKUT FASA | | | AGENSI PELAKSANA UTAMA | AGENSI PEMANTAU |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | 1 | 2 | 3 | | |
| **TERAS 3: PENGUKUHAN KESALINGHUBUNGAN, MOBILITI DAN INFRASTRUKTUR SOKONGAN** | | | | | | | | |
| **S3-1 AKSESSIBILITI, MOBILITI DAN KETERSAMBUNGAN YANG KUKUH** | T3-1.1 Meningkatkan keberkesanan infrastruktur pengangkutan antara stesen ECRL ke kawasan tadahan melalui cadangan penaiktarafan rangkaian jalan dan persimpangan dan cadangan jalan baharu. | 1. Membina dan Menaik Taraf Jalan Luar Bandar Berturap.<br>2. Fasa Pelaksanaan Projek Lebuhraya Pantai Timur 3 (LPT 3) (Gemuroh, Terengganu - Tok Bali - Pengkalan Kubor, Kelantan).<br>3. Peratusan Kemajuan (%) Projek Lebuhraya Kota Bharu - Kuala Krai (KBKK).<br>4. Central Spine Road (CSR) (Bentong, Pahang - Kuala Krai, Kelantan). | 100% pembinaan siap | 50% | 70% | 100% | Pihak Berkuasa Tempatan / JKR Negeri / KPLB | Kementerian Kerja Raya |

**Jadual 6.21:** Indikator bagi Teras 3 Pengukuhan Kesalinghubungan, Mobiliti Dan Infrastruktur Sokongan (sambungan).

| STRATEGI | TINDAKAN | INDIKATOR | SASARAN PENCAPAIAN (2040) | SASARAN PENCAPAIAN MENGIKUT FASA | | | AGENSI PELAKSANA UTAMA | AGENSI PEMANTAU |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | 1 | 2 | 3 | | |
| **TERAS 3: PENGUKUHAN KESALINGHUBUNGAN, MOBILITI DAN INFRASTRUKTUR SOKONGAN** | | | | | | | | |
| S3-2 SISTEM PENGANGKUTAN BERSEPADU DAN KOMPREHENSIF | T3-2.1 Mengintegrasikan mod perkhidmatan pengangkutan awam (bas pengantara) di antara stesen ECRL, Terminal Pengangkutan Awam atau hentian bas ke kawasan tadahan ECRL . | Menambah bilangan bas pengantara menggunakan tenaga bersih (bas *hybrid* / elektrik . | 100% menggunakan bas *hybrid* / elektrik. | 50% | 70% | 100% | Pihak Berkuasa Tempatan | PLANMalaysia@ Negeri |
| | T3-2.2 Merancang pembangunan di kawasan sekitar stesen kargo ECRL bagi menggalakkan penggunaan perkhidmatan kargo dan logistik ECRL (Pembangunan COD - Cargo Oriented Development). | Cadangan jajaran sisihan dan membangunkan hab logistik. | Cadangan Jajaran sisihan – 9 (tertakluk kepada kajian kebolehlaksanaan).<br>1. Tok Bali<br>2. Kuala Terengganu<br>3. Kerteh<br>4. Kemaman<br>5. Kuantan Port<br>6. Tanjung Agas<br>7. Temerloh<br>8. Pelabuhan Klang<br>9. Pulau Carey | 2 | 7 | 9 | Pihak Berkuasa Negeri | Kementerian Pengangkutan Malaysia |
| | T3-2.3 Menggunakan sistem pengangkutan pintar seperti lampu isyarat pintar, aplikasi TLK pintar, kemudahan infrastruktur bagi kenderaan elektrik dan komponen pintar. | 1. Sistem pengurusan lalu lintas pintar.<br>2. Platform perkongsian data dan *mobility digital.*<br>3. Penggunaan kenderaan elektrik /*hibrid*. | 100% pelaksanaan sistem pengangkutan pintar. | 50% | 70% | 100% | Pengendali perkhidmatan pengangkutan awam | Pihak Berkuasa Tempatan |

**Jadual 6.21:** Indikator bagi Teras 3 Pengukuhan Kesalinghubungan, Mobiliti Dan Infrastruktur Sokongan (sambungan).

| STRATEGI | TINDAKAN | INDIKATOR | SASARAN PENCAPAIAN (2040) | SASARAN PENCAPAIAN MENGIKUT FASA | | | AGENSI PELAKSANA UTAMA | AGENSI PEMANTAU |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | 1 | 2 | 3 | | |
| **TERAS 3: PENGUKUHAN KESALINGHUBUNGAN, MOBILITI DAN INFRASTRUKTUR SOKONGAN** | | | | | | | | |
| **S3-3 RANGKAIAN PEJALAN KAKI DAN BASIKAL SALINGBERHUBUNG** | T3-3.1 Menyediakan laluan pejalan kaki berbumbung dan zon keutamaan pejalan kaki di dalam kawasan TOD serta laluan pejalan kaki dan basikal yang bersepadu dari kawasan pembangunan ke kawasan stesen ECRL. | Kemudahsampaian laluan pejalan kaki dan basikal yang baik dan mudah. | 100% Reka Bentuk laluan pejalan kaki berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan. | 50% | 70% | 100% | Pihak Berkuasa Tempatan | Kementerian Pengangkutan |
| **S3-4 KETERSEDIAAN INFRASTRUKTUR DAN UTILITI BAGI MEMANGKIN PEMBANGUNAN** | T3-4.1 Menyediakan kemudahan utiliti dan infrastruktur termasuk infrastruktur mitigasi bencana di kawasan yang berisiko berhampiran stesen ECRL dan pembangunan sekitar. | 1. Memastikan pengoperasian ECRL. mengurangkan gangguan bunyi bising dan gegaran.<br>2. Melaksanakan rancangan mitigasi banjir.<br>3. Memastikan pematuhan had anjakan pembangunan terkini yang disediakan oleh JPS. | 100% pematuhan garispanduan dan piawaian yang disediakan. | 100% | 100% | 100% | Pihak Berkuasa Tempatan | Pihak Berkuasa Negeri |

**Jadual 6.22:** Indikator bagi Pemboleh Daya Utama.

| STRATEGI | TINDAKAN | INDIKATOR | SASARAN PENCAPAIAN (2040) | SASARAN PENCAPAIAN MENGIKUT FASA 1 | 2 | 3 | AGENSI PELAKSANA UTAMA | AGENSI PEMANTAU |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **PEMBOLEH DAYA UTAMA: PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN PEMBANGUNAN BERDAYA LAKSANA** | | | | | | | | |
| **EN -1 PERANCANGAN** | EN-1.1 Mengangkat Cadangan PeGTaECRL Sebagai Projek Berkepentingan Negeri. | Menyenaraikan projek-projek PeGTaECRL sebagai projek berkepentingan Negeri. | 1. 100% pelaksanaan projek (Bilangan Projek -504). | 50% | 70% | 100% | Pihak Berkuasa Tempatan | Pihak Berkuasa Negeri |
| | EN-1.2 Pengubahan / Penggantian Rancangan Tempatan (RT) dan Rancangan Kawasan Khas (RKK). | 1. Melaksanakan Penggantian dan pengubahan RT Daerah / Jajahan terlibat dengan cadangan PeGTaECRL.<br>2. Penyediaan RKK Chendor-Mak Lagam, RKK Wakaf Tapai- Bukit Payong dan Bandar Serendah. | 1. Pengantian dan Pengubahan RT-18<br>2. RKK Baharu - 3 | 100% | 100% | 100% | Pihak Berkuasa Tempatan | PLANMalaysia@ Negeri |
| | EN-1.3 Penyediaan Kajian Lanjutan. | Melaksanakan kajian khusus kebolehlaksanaan dan *economic and financial viability* bagi projek di kawasan TOD, TAD dan COD di kawasan perancangan. | **Keutamaan untuk Kajian lanjutan**<br>1. Hab Kargo (Bandar Serendah dan Temerloh).<br>2. Stesen ECRL Pasir Puteh ke Pelabuhan Tok Bali, Kelantan.<br>3. Stesen ECRL Kuala Terengganu ke Bandar Kuala Terengganu, Terengganu.<br>4. Stesen ECRL Paya Besar ke Tanjung Agas, Pekan Pahang. | 1 | 4 | 4 | Pihak Berkuasa Negeri / ECERDC | Unit Perancang Ekonomi, JPM |

**Jadual 6.22:** Indikator bagi Pemboleh Daya Utama (sambungan)

| STRATEGI | TINDAKAN | INDIKATOR | SASARAN PENCAPAIAN (2040) | SASARAN PENCAPAIAN MENGIKUT FASA | | | AGENSI PELAKSANA UTAMA | AGENSI PEMANTAU |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | 1 | 2 | 3 | | |
| **PEMBOLEH DAYA UTAMA: PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN PEMBANGUNAN BERDAYA LAKSANA** | | | | | | | | |
| EN -1 PERANCANGAN | EN-1.4 Penyediaan Kemudahan Infrastruktur dan Utiliti. | Melaksanakan penyediaan jalan raya, infrastruktur dan fasiliti yang dirancang di dalam PeGTaECRL. | 100% Pelaksanaan cadangan jalan raya, infrastruktur dan fasiliti. | 50% | 70% | 100% | Pihak Berkuasa Tempatan | Pihak Berkuasa Negeri |
| | EN-1.5 Pemantauan dan Pengawalan Pihak Berkuasa Tempatan. | Garis panduan syarat kelulusan permohonan pembangunan bagi kawasan TOD dan kawasan Perancangan ECRL. | Penyediaan dan pematuhan garis panduan. | 1 | 1 | 1 | Pihak Berkuasa Tempatan | PLANMalaysia@ Negeri |
| EN -2 PELABURAN | EN-2.1 Fokus dan Keutamaan Pelaburan. | ECER dan Kerajaan Negeri memberi fokus dan keutamaan pelaburan atau dana kepada kawasan industri dan nodus-nodus ekonomi di kawasan perancangan stesen-stesen ECRL. | 100% tumpuan pelaburan di Kawasan Perancangan PeGTaECRL. | 50% | 70% | 100% | Pihak Berkuasa Tempatan / MIDA / ECERDC | Pihak Berkuasa Negeri |
| | EN-2.2 *Economic Accelarator Project* (EAP). | MIDA mengambil kira projek-projek PeGTaECRL sebagai *Economic Accelerator Project* (EAP) dan dapat memberi fokus dan keutamaan bagi menarik pelaburan. | 100% projek berkaitan ekonomi untuk tujuan menarik pelaburan. | 100% | 100% | 100% | MIDA | Pihak Berkuasa Negeri |

**Jadual 6.22:** Indikator bagi Pemboleh Daya Utama (sambungan)

| STRATEGI | TINDAKAN | INDIKATOR | SASARAN PENCAPAIAN (2040) | SASARAN PENCAPAIAN MENGIKUT FASA | | | AGENSI PELAKSANA UTAMA | AGENSI PEMANTAU |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | 1 | 2 | 3 | | |
| **PEMBOLEH DAYA UTAMA: PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN PEMBANGUNAN BERDAYA LAKSANA** | | | | | | | | |
| EN-3 TADBIR URUS | EN-3.1 Hubungan Kerjasama Dengan Negara Jiran. | Mewujudkan kerjasama perdagangan dan pelancongan di antara selatan Thailand dan negeri Kelantan. | Kerjasama dengan negara Thailand. | 1 | 1 | 1 | MITI / UPEN Kelantan | Pihak Berkuasa Negeri Kelantan |
| | EN-3.2 Memudah Cara Perancangan Pembangunan. | Mewujudkan *fast lane* untuk kelulusan pembangunan di kawasan TOD, Perancangan dan Kawalan pembangunan di setiap PBT terlibat projek ECRL. | Menyediakan garis panduan permohonan menerusi *fast lane.* | 1 | 1 | 1 | Pihak Berkuasa Tempatan | Pihak Berkuasa Negeri |
| | EN-3.3 Penawaran Insentif Pembangunan. | Menyediakan insentif kepada pemaju yang menyediakan kemudahan dan fasiliti di kawasan TOD oleh PBT. | Menyediakan garis panduan insentif kepada pemaju dan pemilik tanah yang menyediaan kemudahan dan fasiliti. | 1 | 1 | 1 | Pihak Berkuasa Tempatan | Pihak Berkuasa Negeri |
| | EN-3.4 Peningkatan Modal Insan. | Menambah bilangan Institut Latihan Industri (ILP) dan menambah bilangan Pusat GiatMARA yang menawarkan kursus dan latihan berkaitan pemasaran serta E-Dagang. | Menambah 3 ILP baharu dan menyediakan Latihan berkaitan pemasaran dan E-Dagang oleh GiatMARA. | 2 | 3 | 3 | Jabatan Tenaga Buruh / MARA | Pihak Berkuasa Negeri |

**Jadual 6.22:** Indikator bagi Pemboleh Daya Utama (sambungan)

| STRATEGI | TINDAKAN | INDIKATOR | SASARAN PENCAPAIAN (2040) | SASARAN PENCAPAIAN MENGIKUT FASA | | | AGENSI PELAKSANA UTAMA | AGENSI PEMANTAU |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | 1 | 2 | 3 | | |
| **PEMBOLEH DAYA UTAMA: PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN PEMBANGUNAN BERDAYA LAKSANA** | | | | | | | | |
| EN-3 TADBIR URUS | EN-3.5 Inisiatif Bersepadu Diterajui Oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan Pihak Berkepentingan. | Setiap PBT mengadakan inisiatif bersepadu dengan MRL dan pihak swasta yang menyediakan kemudahan pengangkutan penumpang dan kargo. | Kerjasama antara 16 PBT utama dengan MRL / penyedia kemudahan pengangkutan penumpang dan kargo. | 10 | 16 | 16 | Pihak Berkuasa Tempatan | Pihak Berkuasa Negeri |
| | EN-3.6 Jalinan Kerjasama Mempromosi Pelancongan. | Menyediakan pakej-pakej pelancongan dengan kerjasama pihak swasta. | Kerjasama antara 16 PBT utama dengan pihak swasta menyediakan pakej pelancongan menggunakan kemudahan ECRL. | 10 | 16 | 16 | Pihak Berkuasa Tempatan | Pihak Berkuasa Negeri |
| | EN-3.7 Aplikasi Bandar Pintar dan *Smart Mobility.* | Melaksanakan konsep bandar pintar dan komponen smart mobility di setiap PBT disepanjang jajaran ECRL. | 16 PBT utama melaksanakan konsep bandar pintar dan komponen smart mobility. | 10 | 16 | 16 | Pihak Berkuasa Tempatan | Pihak Berkuasa Negeri |

## 6.5 RUMUSAN

Strategi, perancangan dan garis panduan yang jelas mampu mengatasi kekangan di dalam pelaksanaan pembangunan seperti kekangan terhadap pembangunan guna tanah bagi mematuhi keperluan akta, peraturan, dasar dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan melalui pelbagai kementerian. Antara kekangan lain yang mampu diselesaikan dengan cadangan pengurusan dan pelaksanaan di dalam PeGTaECRL adalah kekangan di peringkat negeri, di mana terdapat enakmen, peraturan dan garis panduan berbeza berkaitan pembangunan tanah. Cadangan pengurusan dan pelaksanaan yang cekap dan efisien bagi perancangan sistem, operasi undang-undang, penguatkuasaan dan projek-projek berkaitan mampu menarik pelaburan dan pembiayaan yang pelbagai di peringkat tempatan dan juga antarabangsa. Seterusnya, komitmen, tanggungjawab, akauntabiliti dan keupayaan pelbagai agensi yang terlibat mampu menentukan keberkesanan dan kejayaan pelaksanaan PeGTaECRL. Tambahan itu, penyelarasan antara agensi berterusan dan garis panduan pembangunan yang komprehensif mampu memastikan pencapaian matlamat pembangunan laluan ECRL.